

KOSMOLOGI FLORA DALAM PANTUN IBAN : SATU
KAJIAN ETNOBOTANI DI SARAWAK
MENGUNAKAN TEORI
EKOLOGI

MIKE TYSON ANAK PAING

C18A0098

UNIVERSITI

MALAYSIA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Kosmologi Flora Dalam Pantun Iban : Satu Kajian
Etnobotani Di Sarawak Menggunakan
Teori Ekologi

Mike Tyson Anak Paing

C18A0098

Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada

Syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian

Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2022

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengenalpasti komponen kosmologi flora dalam pantun Iban di Sarawak. Di mana, penyelidik akan menghuraikan tiga komponen kosmologi flora iaitu pokok, bunga dan buah yang terdapat dalam buku Pantun Iban karya Dr. Robert Menua Salleh. Selain daripada itu, penyelidik turut mengkaji perkaitan etnobotani dalam kehidupan masyarakat Iban dengan ekologi manusia. Dalam konteks ini, penyelidik akan menerangkan kajian budaya di antara masyarakat Iban dan komponen kosmologi flora dengan menerapkan teori ekologi (prinsip ekologi manusia). Dalam prinsip tersebut terbahagi kepada tiga lagi pecahan iaitu aspek saling kebergantungan, aspek teknologi dan aspek kefungisian. Manakala bagi kaedah kajian pula, penyelidik telah menggunakan kaedah kuantitatif iaitu membuat tinjauan terhadap masyarakat Iban secara rawak seramai 30 orang responden bagi mengisi borang soal selidik yang telah disediakan. Kaedah yang kedua adalah secara kualitatif iaitu penyelidik telah mengumpul maklumat melalui analisis dokumen dan laman web. Akhir sekali, penerapan teori ekologi turut dilaksanakan bagi menyokong lagi kajian yang dijalankan. Sebagai kesimpulannya, dengan adanya kajian ini diharapkan mampu memartabatkan lagi puisi rakyat Iban dalam kalangan para sarjana di luar sana serta kepada khalayak ramai sekaligus kajian ini mampu memaparkan kebijaksanaan masyarakat Iban dalam menghasilkan karya sastera terutamanya pantun.

ABSTRACT

This study was conducted to identify the cosmological components of flora in Iban poetry in Sarawak. Where, the researcher will describe the three components of the cosmology of flora, namely trees, flowers and fruits found in the book Pantun Iban by Dr. Robert Menua Salleh. Apart from that, the researchers also studied the relationship between ethnobotany in the life of the Iban community with human ecology. In this context, the researcher will describe the study of culture between Iban society and the cosmological component of flora by applying ecological theory (principles of human ecology). The principle is divided into three more fractions, namely the aspect of interdependence, the aspect of technology and the aspect of functionality. As for the research method, the researcher has used a quantitative method that is to make a survey of the Iban community at random as many as 30 respondents to fill in the questionnaire that has been prepared. The second method is qualitative in that the researcher has collected information through analysis of documents and websites. Finally, the application of ecological theory is also implemented to support the study conducted. In conclusion, with this study, it is hoped to be able to further elevate the poetry of the Iban people among scholars out there as well as to the general public as well as this study is able to display the wisdom of the Iban community in producing literary works, especially poems.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelaras kursus CFT4134 Projek Penyelidikan II iaitu Dr. Ainul Wahida Radzuan kerana banyak membantu dari segi berkongsi maklumat serta panduan untuk melancarkan lagi penyelidikan yang dilaksanakan. Seterusnya, penghargaan juga diberikan kepada Dr. Nordiana Binti Ab Jabar selaku penyelia dalam projek penyelidikan ini. Di mana, beliau telah membimbing serta memberi tunjuk ajar yang mendatangkan banyak manfaat kepada penyelidik. Selain daripada itu, beliau juga telah berjaya dalam membentuk seorang penyelidik yang melaksanakan kajian mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh penyelaras kursus. Di samping itu, penyelidik turut mengucapkan terima kasih kepada panel bagi projek penyelidik ini iaitu Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob. Dalam konteks ini, beliau telah banyak memberikan kritikan di dalam penyelidikan yang telah dilaksanakan serta memberi banyak idea untuk memperbaiki kajian pada masa akan datang. Selain itu, penyelidik ingin memberikan penghargaan kepada para responden terutamanya masyarakat Iban di Sarawak yang dipilih secara rawak bagi mengisi borang soal selidik untuk tinjauan terhadap kajian yang dijalankan. Dalam pada itu, mereka banyak membantu dalam berkongsi pendapat serta pengalaman dalam bidang kajian yang dilakukan. Tidak ketinggalan juga, jutaan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan kesusasteraan warisan Universiti Malaysia Kelantan kerana banyak berkongsi ilmu pengetahuan serta membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Akhir sekali, ahli keluarga merupakan salah satu yang menyumbang dari segi kewangan, memberi nasihat serta selalu menyokong penyelidik dalam membuat kajian dalam bentuk rohani yang sentiasa mendoakan tanpa henti demi kejayaan melakukan penyelidikan yang dijalankan.

KANDUNGAN	HALAMAN
ABSTRAK	2
ABSTRACT	3
PENGHARGAAN	4
ISI KANDUNGAN	5-10
BAB 1 PENGENALAN	11
1.0 Pendahuluan	11-13
1.1 Latar Belakang Kajian	13-14
1.2 Permasalahan Kajian	14
1.3 Persoalan Kajian	15
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Batasan Kajian	15-16
1.6 Kepentingan Kajian	16-17
1.7 Definisi Konsep	17-18
1.8 Kesimpulan	19-18
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	19
2.0 Pendahuluan	19

2.1	Kajian Lepas Mengenai Kosmologi Flora	19
2.1.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	19-20
2.1.2	Tesis Ijazah Sarjana	20
2.1.3	Artikel Jurnal	21
2.1.4	Buku	21
2.2	Kajian Lepas Mengenai Pantun Iban	22
2.2.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	22
2.2.2	Artikel Jurnal	22-23
2.2.3	Buku	23
2.3	Kajian Lepas Mengenai Etnobotani	23
2.3.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	23-24
2.3.2	Artikel Jurnal	24
2.4	Kajian Lepas Mengenai Teori Ekologi	25
2.4.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	25
2.5	Kesimpulan	25-26
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	27
3.0	Pendahuluan	27
3.1	Rekabentuk Kajian	27

3.1.1	Kaedah Kuantitatif	27-28
3.1.1.1	Soal Selidik	28
3.1.1.2	Temu Bual	28
3.1.1.3	Pemerhatian	28-29
3.1.2	Kaedah Kualitatif	29-30
3.1.3	Penerapan Teori Ekologi	30-32
3.2	Kesimpulan	32
BAB 4	ANALISIS	33
4.0	Pengenalan	33
4.1	Kompenen Kosmologi Flora	34
4.1.1	Pokok	34
4.1.1.1	Pokok Gerunggang	35-36
4.1.1.2	Pokok Nyelutong	36-38
4.1.1.3	Pokok Pinang	38-39
4.1.1.4	Pokok Ara	39-41
4.1.1.5	Pokok Tapang	41-43
4.1.2	Bunga	43
4.1.2.1	Bunga Raya	44-45
4.1.2.2	Bunga Mikai	45-46

4.1.2.3	Bunga Lingkau	46-48
4.1.2.4	Bunga Ketupang	48-49
4.1.2.5	Bunga Kechalak	49-50
4.1.3	Buah	51
4.1.3.1	Buah Kepayang	51-53
4.1.3.2	Buah Mawang	53-54
4.1.3.3	Buah Kemantan	54-56
4.1.3.4	Buah Petai	56-57
4.1.3.5	Buah Rambutan	57-59
4.2	Perkaitan Etnobotani Dalam Kehidupan Masyarakat Iban Dengan Ekologi Manusia	59
4.2.1	Aspek Saling Kebergantungan	60
4.2.1.1	Tempat Untuk Bermeditasi	60-61
4.2.1.2	Rantaian Makanan	61-63
4.2.1.3	Tarikan Pelancongan	63-65
4.2.1.4	Pengaliran Udara Yang Segar	65-66
4.2.1.5	Tempat Untuk Perlindungan	66-67
4.2.2	Aspek Teknologi	68
4.2.2.1	Peralatan Untuk Menangkap Ikan	68-69
4.2.2.2	Peralatan Dapur	69-71

4.2.2.3	Peralatan Pertanian	71-72
4.2.2.4	Peralatan Pembinaan Rumah	72-73
4.2.2.5	Kraftangan	73-74
4.2.3	Aspek Kefungsian	74-75
4.2.3.1	Perubatan	75-76
4.2.3.2	Kecantikan	76-77
4.2.3.3	Makanan	77-78
4.2.3.4	Upacara Keagamaan	79
4.2.3.5	Permainan Tradisional	80-81
BAB 5	RUMUSAN	82
5.0	Pengenalan	82
5.1	Rumusan Objektif Pertama : Mengenalpasti Kompenen Kosmologi Flora Dalam Pantun Iban Di Sarawak	82-84
5.2	Rumusan Objektif Kedua : Mengkaji Perkaitan Etnobotani Dalam Kehidupan Masyarakat Iban Dengan Ekologi Manusia	84-86
5.3	Cadangan	86-87

5.4 Penutup


87-88

RUJUKAN


89-93



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

FYP FTKW

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pada arus modenisasi kini, genre kesusasteraan adalah antara penyumbang terbesar dalam menyampaikan maklumat, nilai-nilai kehidupan serta memberi nasihat kepada khalayak dengan menggunakan bahasa yang indah dan berfaedah. Dalam konteks ini, antara genre yang tidak asing lagi bagi seluruh masyarakat Malaysia adalah pantun. Rentetan itu, di dalam dunia sastera ramai yang gemar dalam menjadikan pantun sebagai salah satu bahan bacaan, kajian serta tauladan kerana mudah difahami disebabkan oleh bahasa yang digunakan berbentuk indah didengar ataupun dibaca dan tidak menyakitkan hati masyarakat walaupun pantun itu bertujuan untuk menyindir. Jadi, pantun ini dikategorikan sebagai puisi tradisional.

Dalam konteks ini, kajian yang dilaksanakan adalah berkaitan dengan puisi tradisional. Di dalam puisi tradisional terdapat banyak genre kesusasteraan seperti pantun, syair, seloka dan banyak lagi. Manakala maksud tradisional pula adalah sesebuah masyarakat yang bercorak tradisi serta masih mengamalkan cara hidup secara turun-temurun. Dalam pada itu, tajuk penyelidikan yang dilaksanakan adalah berkaitan dengan Kosmologi Flora Dalam Pantun Iban : Satu Kajian Etnobotani Di Sarawak Menggunakan Teori Ekologi.

Di mana, masyarakat Iban di Sarawak juga telah mempunyai puisi tradisional yang tersendiri serta Menurut Numpang (1989), suku kaum Iban ini merupakan yang terbanyak di negeri Sarawak. Jika kita lihat dari segi perspektif sejarah, semasa Sarawak masih diperintah oleh Rajah Brooke, negeri tersebut dikenali sebagai bumi pemotong kepala. Di mana, masyarakat Iban ini dipercayai berasal daripada Kalimantan Barat, Indonesia. Mereka juga digelar sebagai orang dayak. Di samping itu, dayak juga dibahagikan kepada dua pecahan iaitu “Sea Dayak” adalah suku kaum Iban, manakala “Land Dayak” adalah masyarakat Bidayuh. Dalam konteks ini, pantun dalam kalangan kaum Iban mula berkembang pada zaman penjajahan Jepun lagi.

Pantun Iban ini kebiasaannya diiramakan dengan pelbagai bentuk. Selain daripada itu juga, pantun Iban akan dipantunkan semasa kedatangan orang yang berstatus tinggi seperti menteri. Tujuan mereka berpantun adalah untuk meminta pembangunan dilakukan di dalam sesebuah kawasan pedalaman. Pantun Iban ini juga adalah tidak terikat dari segi gaya bahasa.

Jadi, di dalam pantun Iban tersebut penyelidikan yang ingin dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti apakah komponen kosmologi flora dan mengkaji etnobotani ekologi manusia dalam pantun Iban di Sarawak.

Menurut Kamus Dewan Edisi yang keempat mengatakan tentang kosmologi ini merupakan salah satu bidang falsafah yang mengkaji tentang asal-usul, proses dan struktur alam semesta. Biotik ini adalah merujuk kepada ciri-ciri organisme yang hidup. Biotik ini juga adalah saling berinteraksi dengan manusia. Di mana dalam kehidupan seseorang manusia saling bergantung dengan komponen biotik. Dalam pada itu, biotik terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu flora dan fauna. Seperti yang kita sedia maklum bahawa, flora ini adalah merupakan tumbuhan yang ada di muka bumi ini. Manakala fauna pula adalah berkaitan dengan haiwan. Sebagai contohnya, flora adalah

seperti pokok, bunga dan buah. Jika kita lihat fauna pula, ia adalah seperti rusa, ayam, gajah dan banyak lagi. Ini adalah sangat penting di dalam penyelidikan kerana unsur flora dan fauna ini sangat unik bagi masyarakat Iban di Sarawak. Tetapi di dalam projek penyelidikan yang dilaksanakan pada kali ini adalah hanya fokus terhadap elemen flora serta kajian etnobotani. Etnobotani ini adalah satu kajian budaya di antara tumbuhan dengan manusia.

1.1 Latar Belakang Kajian

Di dalam projek penyelidikan ini fokus utama adalah berkaitan dengan satu kajian pantun Iban. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menyelidik dari segi perspektif flora serta perkaitannya di antara manusia dan tumbuhan semula jadi. Seperti yang kita sedia maklum, masyarakat Iban mempunyai puisi rakyat tersendiri. Kebiasaannya, mereka akan lebih cenderung berpantun Iban semasa ada majlis keramaian. Sebagai contoh, perayaan hari Gawai, kedatangan Yang Berhormat Menteri dan untuk bersuka ria. Jika kita lihat dari segi perspektif ciri-ciri pantun Iban adalah tidak terikat dan berbentuk bebas. Bahasa Iban itu sendiri turut memainkan peranan yang penting kerana ramai generasi pada masa kini sukar untuk memahami maksud tersirat serta tersurat.

Seterusnya, untuk menjawab kepada objektif yang pertama di mana pengkaji akan mengenalpasti apa komponen flora yang terdapat dalam pantun Iban. Dalam konteks ini, flora dapat dibahagikan kepada dua pecahan iaitu flora asli dan flora rumpai. Di dalam pantun Iban terdapat jenis-jenis flora yang mempunyai kepelbagaian kegunaannya. Rentetan itu, bagi menjawab objektif yang kedua, penyelidik akan mengkaji tentang etnobotani ekologi manusia di dalam pantun suku kaum Iban di

Sarawak. Jika kita lihat dari segi kajian budaya antara manusia dengan tumbuhan atau nama saintifiknya ialah etnobotani. Perkataan etnobotani ini adalah dicipta oleh US John William Harshberger pada tahun 1895. di mana beliau telah membuat penyelidikan tentang etnobotani dalam kalangan masyarakat Yunani pada suatu masa ketika dahulu.

1.2 Permasalahan Kajian

Masalah di dalam kajian ini adalah berkaitan tentang pantun Iban di Sarawak semakin dipinggir oleh masyarakat. Di Sarawak rata-rata generasi pada masa kini tidak mengetahui apa itu pantun Iban. Orang yang pandai berpantun Iban ini hanya tinggal sedikit sahaja. Dalam konteks ini, hanya segelintir golongan tua yang boleh berpantun dengan baik serta mengikut irama asal pantun tersebut. Melodi pantun tersebut sangat unik dan berbeza daripada pantun-pantun yang lain. Jadi implikasi daripada rentetan tersebut, anak muda terutamanya suku kaum Iban sendiri semakin meminggirkan puisi tradisonal tersebut. Selain daripada itu, pada zaman sekarang orang yang berkemahiran di dalam bidang pantun Iban ini adalah sangat terhad. Di dalam penyelidikan nanti pasti akan mengalami kekangan dari segi responden. Akhir sekali, masalah yang dihadapi adalah berkaitan dengan merakam suara kerana kebanyakan pantun Iban tidak boleh dimainkan sesuka hati kerana persepsi masyarakat Iban di sesetengah tempat ada mengatakan tentang pantun tersebut wajib dibuat upacara spiritual baru boleh dimainkan.

1.3 Persoalan Kajian

1. Apakah komponen kosmologi flora yang terdapat dalam pantun Iban di Sarawak?
2. Apakah perkaitan diantara kajian etnobotani dalam kehidupan masyarakat Iban dengan ekologi manusia dalam pantun Iban di Sarawak.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif yang utama di dalam penyelidikan ini, iaitu :

1. Mengenalpasti komponen kosmologi flora dalam pantun Iban di Sarawak.
2. Mengkaji perkaitan etnobotani dalam kehidupan masyarakat Iban dengan ekologi manusia dalam pantun Iban di Sarawak.

1.5 Batasan Kajian

Kawasan bagi kajian ini adalah di negeri Sarawak. Dalam konteks ini, di dalam persampelan terdiri daripada golongan remaja dan dewasa di beberapa bahagian di dalam negeri tersebut. Antara peringkat umur yang di temubual serta mengisi borang soal selidik adalah dalam lingkungan 18 tahun ke atas. Hal ini kerana, ia akan melancarkan lagi proses pengumpulan data disebabkan kebanyakan responden di bawah 18 tahun belum lagi mengenali apa itu pantun Iban. Di dalam kajian ini, saya telah memilih tiga bahagian iaitu area Simunjan, Serian dan Kuching. Walaupun semua bahagian ini bandar namun tetap ada penduduk orang Iban.

Dalam pada itu, di bahagian Kuching terdapat ramai suku kaum Iban pakar dalam pantun. Sebagai contohnya, di “Tun Jugah Foundation” ramai masyarakat Iban yang bekerja di sana bagi mengekalkan serta memelihara adat, sastera Iban dan budaya. Jadi target utama kajian ini adalah di tempat tersebut, kerana banyak pengarang kesusasteraan Iban di sana. Selain daripada itu, di bahagian Simunjan juga terdapat ramai pemantun Iban yang boleh memberikan maklumat di dalam kajian yang saya laksanakan. Di samping itu, terdapat banyak masyarakat Iban yang mempunyai Ijazah Kedoktoran dalam bidang pantun di The Tun Jugah Foundation. Untuk bahagian Serian pula, kajian ini lebih fokus kepada pelajar Bahasa Iban sendiri iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Balai Ringin. Di mana, di sekolah tersebut terdapat ramai juga pakar dalam bidang pantun iaitu cikgu yang mengajar subjek Bahasa Iban itu sendiri. Terdapat segelintir pelajar di sekolah tersebut juga boleh memberi data sama ada melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk memartabatkan lagi puisi tradisional masyarakat Iban iaitu pantun. Pantun ini adalah merupakan satu permainan kepada masyarakat tersebut di mana, pantun ini kebiasaannya akan dimainkan apabila ada keramaian, bersuka ria dan untuk kegunaan upacara spiritual. Dalam pada itu, pantun ini telah memberi impak yang besar kepada masyarakat Iban di Sarawak. Ia bukan sekadar untuk kegunaan dalam bersuka-ria, malah dijadikan sebagai salah satu platform untuk menegur para masyarakat yang ada di bumi kenyalang. Selain daripada itu, pantun ini adalah menunjukkan kebijaksanaan masyarakat Iban dalam menggunakan unsur alam iaitu biotik dalam penghasilan karya mereka. Seperti yang

kita sedia tahu pantun ini banyak menggunakan komponen kosmologi biotik untuk menyerikan lagi bahasa serta memberi pengajaran kepada masyarakat tersebut.

Dalam konteks ini, tujuan kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memaparkan kepada semua masyarakat yang ada di Malaysia tentang perkembangan pantun Iban. Pantun Iban ini mula diperkenalkan adalah sebelum perang dunia kedua lagi. Perkembangan pantun tersebut telah berlaku mengikut peredaran zaman. Pantun Iban pada masa kini, masih dihasilkan oleh penggiat kesusasteraan kerana pihak yang berwajib yang mempertahankan puisi tradisional ini daripada pupus. Jadi mereka telah membukukan pantun tersebut. Sebagai contohnya, Buku Pantun Iban karya Dr. Robert Menua Salleh adalah merekodkan kesemua jenis pantun Iban yang ada di dalam buku beliau.

Sebagai kesimpulannya, setiap bangsa atau suku kaum pasti mempunyai kesusasteraan tersendiri. Jadi begitu juga dengan masyarakat Iban yang mempunyai pelbagai genre kesusasteraan selain daripada pantun. Pantun Iban ini juga sering dimainkan dalam radio, televisyen dan surat khabar. Ini adalah menunjukkan kepentingan pantun tersebut kepada masyarakat Iban kerana keunikan dari segi bahasa kiasan, peribahasa dan kiasan.

1.7 Definisi Konsep

Definisi konsep adalah perkara yang signifikan di dalam dunia penulisan penyelidikan agar dapat memberikan keterangan yang jelas kepada khalayak. Dalam konteks ini, terdapat dua definisi konsep yang akan dipaparkan, iaitu :

1.7.1 Flora

Menurut Kamus Dewan flora adalah bermaksud kesemua tumbuh-tumbuhan yang ada pada sesuatu daerah dan masa.

1.7.2 Etnobotani

Etnobotani ini ialah salah satu kaedah yang saintifik yang mengkaji tentang budaya atau kaitan di antara manusia dan tumbuhan. Sebagai contohnya, tujuan etnobotani ini adalah untuk mencatatkan, memaparkan, serta memberitahu perkaitan kegunaan elemen flora dengan masyarakat dengan bertujuan untuk perubatan, makanan, dan aktiviti keagamaan.

1.8 Kesimpulan

Kajian tentang pantun Iban ini adalah unik disebabkan oleh beberapa faktor tertentu. Sebagai tamsilannya. Pantun Iban ini banyak menggunakan unsur alam seperti flora. Komponen flora tersebut turut memaparkan kebijaksanaan masyarakat Iban dalam menggunakan kaedah etnobotani dalam kehidupan seharian mereka.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pendahuluan

Tujuan kajian lepas dilakukan adalah untuk meneliti atau tinjauan awal terhadap penyelidikan yang bakal dilaksanakan. Dalam konteks ini, kajian lepas ini merupakan sebuah cerita yang berbentuk ilmiah terhadap permasalahan penyelidikan tertentu yang dibuat oleh para sarjana yang lain. Selain daripada itu, ia juga turut dijadikan sebagai panduan untuk para pengkaji dalam kerangka sesebuah teori yang akan digunakan dalam kajian tertentu. Seterusnya, kajian lepas ini sekaligus memaparkan definisi, kata kunci dan terminologi serta menentukan kajian berdasarkan topik yang dipilih.

2.1 Kajian Lepas Mengenai Kosmologi Flora

2.1.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah

Yusoff dan Muhamad Fadzil (2012) telah menjalankan satu kajian mengenai kosmologi biotik dalam pantun. Kajian tersebut berkaitan dengan puisi-puisi Zurinah Hassan. Dalam konteks ini, fokus utama dalam penyelidikan tersebut adalah berkaitan dengan unsur-unsur kosmologi biotik dan abiotik. Kosmologi biotik adalah sesuatu

benda yang bersifat hidup. Seterusnya, biotik pula dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu flora dan fauna. Dalam pada itu, kajian ini telah menggambarkan kepada kita semua tentang perkaitan alam semula jadi dengan manusia. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data adalah, pengkaji telah menggunakan sumber rujukan daripada kepustakaan dan analisis teks. Dapatan kajian adalah kompenen kosmologi biotik dalam alam flora terdiri daripada beberapa pecahan utama, iaitu : hutan, pohon, bunga dan buah. Jadi, di sini telah jelas memperlihatkan kepada kita semua tentang kepentingan kosmologi biotik kepada kita sebagai seorang manusia. Dalam pada itu, hal ini adalah sangat mirip dengan pantun Iban. Perbezaannya adalah dari segi gaya bahasa tetapi di dalam penghasilan pantun kedua-dua puisi tersebut banyak menggunakan unsur alam dalam penghasilan sesebuah pantun.

2.1.2 Tesis Ijazah Sarjana

Farahanum (2013) mengatakan pantun ini merupakan salah satu nilai kemasyarakatan, adat istiadat orang Melayu, nilai ekonomi, nilai agama dan nilai ilmu sains teknologi. Dalam konteks ini, beliau telah melaksanakan satu penyelidikan berkaitan dengan unsur flora dan fauna dalam pantun melayu. Antara kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan beliau adalah kajian tersebut telah menggunakan sumber rujukan daripada kepustakaan dan teori relevans. Dalam pada itu, hasil kajian beliau adalah mendapati bahawa kebanyakan pantun mempunyai pelbagai unsur flora dan fauna. Selain itu, kajian tersebut memperolehi bahawa setiap unsur flora dan fauna yang terdapat dalam pantun Melayu itu mempunyai makna yang tersendiri.

2.1.3 Artikel Jurnal

Kajian yang telah dilakukan oleh Khairulanwar dan Noriah (2019) yang bertajuk '*Analisis Sosiosemiotik Terhadap Konsepsi Lambang Flora dalam Pantun Nasihat*' turut meneliti mengungkapkan bahawa setiap pantun yang dihasilkan pasti berupa nasihat kepada masyarakat Melayu. Dalam pada itu juga terdapat pelbagai ragam bahasa yang indah dan bersifat kesusasteraan. Metodologi yang digunakan dalam analisis tersebut adalah sebanyak 219 rangkap pantun nasihat yang telah digunakan untuk menganalisis data. Mereka juga turut menggunakan kerangka semiotik yang telah diasaskan oleh Michael Riffaterre untuk memperlihatkan alam flora sebagai salah satu lambang di dalam pembahagian untuk pembayang sesebuah pantun Melayu. Dapatan kajian mereka telah memperolehi simbol flora dalam penghasilan pantun adalah berkaitan dengan makna yang tersirat seperti simbol tersebut dijadikan sebagai nasihat dan teguran kepada khalayak. Selain daripada itu, simbol flora mempunyai pelbagai makna yang tersendiri serta mampu memaparkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam mengaplikasikan definisi unsur flora dengan tingkah laku, benda, dan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka.

2.1.4 Buku

Menurut Kamus Sains dan Teknologi (2008:151) telah mentakrifkan biotik ini adalah organisma hidup yang saling bergantung dengan kosmologi abiotik. Di dalam kamus ini telah jelas memperlihatkan kepada kita semua tentang definisi biotik. Biotik ini terdapat dua pecahan iaitu flora dan fauna.

2.2 Kajian Lepas Mengenai Pantun Iban

2.2.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah

Dr. Chemaline Anak Osup (2006) mengatakan tentang puisi rakyat Iban ini adalah mempunyai bentuk dan fungsi yang tersendiri. Dalam pada itu, seperti yang digambarkan dalam tesis beliau semasa peringkat PHD di Universiti Sains Malaysia telah mengkaji tentang '*Leka Main : Puisi Rakyat Iban - Satu Analisis Tentang Bentuk Dan Fungsi*'. Di mana tesis tersebut merupakan usaha bagi menganalisis puisi rakyat Iban. Dalam konteks ini, kajian beliau mempunyai dua objektif utama, iaitu : pertama, untuk mengkaji tentang bentuk, stail dan struktur leka main (puisi rakyat Iban). Kedua, menganalisis kegunaannya dalam masyarakat Iban dan dikategorikannya mengikut fungsi-fungsi yang berlainan. Kaedah kajian yang digunakan oleh beliau adalah dengan menekankan idea dan pendapat fungsionalis di dalam sosiologi kesusasteraan yang mementingkan aspek sosio-budaya sastera. Sehubungan dengan itu, idea fungsionalis ini terbahagi kepada tiga fungsi utama, iaitu : pertama, puisi rakyat yang menyumbangkan dalam perspektif kestabilan sosial dan emosi. Seterusnya, puisi masyarakat Iban yang berfungsi di dalam adat dan budaya orang Iban. ketiga, puisi rakyat Iban yang membentuk sebahagian daripada sistem kepercayaan.

2.2.2 Artikel Jurnal

Selain daripada itu, tahap pengajaran dan pembelajaran "*leka main*" atau dikenali sebagai puisi tradisional ini telah dikaji oleh Dr. Chemaline Anak Osup (2013). Beliau turut mengatakan puisi rakyat Iban dapat membentuk insan yang seimbang dari yang seimbang dari segi sosial, rohani dan intelek. Oleh itu, kajian ini adalah

merupakan salah satu kajian yang sangat penting dalam memupuk nilai kesukaan pelajar di dalam pantun Iban secara khasnya.

2.2.3 Buku

Buku Pantun Iban yang dikarang oleh DR. Robert Menua Saleh (2015) turut memaparkan koleksi pantun Iban yang ada di Sarawak. Di dalam buku tersebut terdapat banyak jenis pantun Iban seperti pantun pujian, pantun nasihat, pantun berpisah, pantun jenaka dan banyak lagi. Dalam konteks ini, tujuan buku pantun Iban itu dihasilkan adalah untuk dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat pada masa kini.

2.3 Kajian Lepas Mengenai Etnobotani

2.3.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah

Epi Koryanti Santa, Mukarlina, dan Riza Linda (2015) mengatakan bahawa masyarakat Iban saling bergantung kepada etnobotani dalam melakukan sesuatu aktiviti. Di mana kaum Iban banyak menggunakan unsur alam di dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai contohnya, di dalam kajian yang telah dilaksanakan menunjukkan bahawa kaum Iban di Desa Mensiau kerap menggunakan unsur alam sebagai pewarna semula jadi. Dalam konteks ini, pewarna tersebut akan digunakan untuk mewarna tali untuk membuat kain tenun seperti pakaian tradisi masyarakat Iban itu sendiri iaitu '*Ngapan*'. *Ngapan* ini adalah pakaian tradisional suku kaum Iban untuk tarian '*Ngajat*'. Selain daripada itu, tumbuhan juga dijadikan sebagai pewarna makanan. Jelaslah di sini menunjukkan bahawa, penyelidikan ini telah memaparkan kajian etnobotani iaitu interaksi manusia dengan tumbuhan semula jadi. Dalam pada itu juga, ia sekaligus telah mewujudkan satu budaya yang mengamalkan cara hidup yang sihat serta unik. Sebagai

contohnya, kita sering menggunakan pewarna yang diperbuat daripada bahan kimia. Perkaitan manusia dengan alam adalah sangat ketara mendatangkan banyak manfaat di dalam kehidupan seharian kita.

2.3.2 Artikel Jurnal

Kajian etnobotani ini adalah sangat jarang dikaji disebabkan oleh beberapa faktor yang tertentu. Walaupun kajian tersebut tidak banyak seperti di Sabah dan Semenanjung Malaysia, namun terdapat beberapa penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh para sarjana. Sebagai contohnya, kajian etnobotani di sarawak banyak dikaji oleh sarjana dari barat dan negara jiran. Van Steenis (1958) telah mengkaji tentang beberapa tumbuhan magis yang digunakan oleh kaum dayak. Selepas itu, beberapa tahun kemudian Chai (1975, 1978) telah mengenalpasti 41 spesies yang telah digunakan oleh beberapa kumpulan etnik di Sarawak antaranya adalah masyarakat Iban sendiri. Kemudian, kajian etnobotani di sarawak bagi suku kaum Iban turut dilaksanakan. Saigol (1986) turut mengkaji tentang beberapa jenis tumbuhan yang boleh dijadikan sebagai ubat-ubatan di dalam kalangan etnik Bidayuh, Iban dan Melayu di Sarawak. Akhir sekali, kajian yang berkaitan dengan kegunaan tumbuhan kepada masyarakat Iban yang bercirikan ubatan turut dilaksanakan oleh Chai, Muli dan Punga (1989). hal ini boleh kita lihat dari sudut etnobotani itu sendiri, ramai sarjana yang telah membuat kajian kegunaan tumbuhan kepada masyarakat Iban di Sarawak. Mereka sekaligus telah memaparkan sikap kebijaksanaan orang Iban yang sangat ketara bagi mewujudkan satu budaya yang mesra alam.

2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Ekologi

2.4.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah

Hu Ann Leh (2016) mengatakan tentang Jong Chian Lai adalah seorang pengarang di Sarawak yang banyak membangkitkan isu alam sekitar khususnya dalam perspektif keadilan ekologi. Dalam pada itu, telah wujud satu hubungan yang kukuh di antara ekologi dengan kepercayaan masyarakat setempat. Hal ini disebabkan oleh alam sekitar yang mempengaruhi tingkah laku manusia. Kaedah kajian yang telah digunakan beliau dalam menyiapkan tesis ijazah kedokotaran adalah menggunakan teori keadilan ekologi yang diasaskan oleh Brian Baxter. Dalam konteks ini, dapatan kajian yang didapati adalah bagi memupuk kesedaran dan sikap prihatin orang Iban terhadap isu alam sekitar. Di dalam pantun Iban, belum ada penyelidikan yang terperinci menggunakan teori ekologi. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor yang tertentu. Buat masa sekarang, hanya Dr. Hu Ann Leh yang telah mengaplikasikan teori tersebut di dalam kehidupan masyarakat Iban. Selain daripada itu, pantun Iban ini juga tidak terkenal serta semakin diabaikan oleh masyarakat Iban itu sendiri. Jadi kajian yang dilaksanakan adalah sangat terhad. Tetapi jika kita lihat dari sudut sastera itu sendiri, pantun Iban ini sebenarnya sangat unik dan berbeza daripada pantun-pantun yang lain.

2.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian lepas mengenai kosmologi flora, pantun Iban, etnobotani dan teori ekologi masing-masing menunjukkan perkaitannya antara satu sama lain. Di mana, telah wujud satu interaksi budaya di antara orang Iban dengan alam sekitar serta turut berlaku pengaplikasian teori ekologi dalam pantun Iban. Selain

daripada itu, kajian lepas ini telah memaparkan kebijaksanaan mereka dalam menggunakan komponen kosmologi flora di dalam kehidupan seharian kaum Iban di Sarawak.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pendahuluan

Metodologi penyelidikan merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong kepada sesuatu kajian yang berkaitan dengan kosmologi biotik dalam pantun Iban di Sarawak. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah serta teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih terperinci lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

3.1 Rekabentuk Kajian

3.1.1 Rekabentuk Kajian Kuantitatif

Persampelan ialah prosedur pemilihan sampel atau responden daripada sekumpulan populasi masyarakat di Sarawak. Dalam persampelan, sampel kajian adalah terdiri daripada 30 orang yang dipilih secara rawak yang mengetahui tentang pantun Iban di tiga bahagian iaitu Simunjan, Serian dan Kuching. Kesemua persampelan merupakan Pekerja dan pelajar yang berpengalaman serta mempunyai kemahiran dalam pantun Iban. Selain itu, pengkaji telah menemu bual 5 orang informen bagi memberi

keterangan tentang pantun Iban. Akhir sekali, pengkaji telah memilih 3 tempat untuk membuat pemerhatian. Sumber primer yang telah digunakan oleh pengkaji adalah menggunakan kaedah soal selidik seramai 30 orang responden dan 5 orang informen untuk ditemubual bagi mengenalpasti komponen kosmologi flora dan mengkaji mengkaji perkaitan etnobotani dalam kehidupan masyarakat Iban dengan ekologi manusia dalam pantun Iban di Sarawak. Selain itu, kaedah pemerhatian turut digunakan untuk meninjau kawasan kajian di bahagian yang telah dipilih secara rawak.

3.1.1.1 Soal Selidik

Soal selidik merupakan kaedah yang paling sesuai untuk mengumpul data. Dalam konteks ini, menurut pandangan Miles dan Huberman (1984) yang mengatakan bahawa data yang diperolehi daripada soal selidik dengan responden kajian yang dijalankan dalam suasana yang berbentuk deskriptif yang tepat. Borang soal selidik dalam kajian ini akan dijawab oleh pelajar Bahasa Iban di Sekolah Menengah Kebangsaan Balai Ringin.

3.1.1.2 Temu Bual

Terdapat beberapa jenis instrumen yang digunakan untuk mengumpul maklumat dalam kajian ini. Salah satu instrumen yang mempunyai kaitan dengan kaedah kualitatif ini adalah menggunakan teknik temu bual. Dalam temu bual ini seramai 5 informen telah terpilih bagi mengkaji kosmologi flora yang terdapat dalam pantun Iban di Sarawak. Selepas itu, pengkaji akan menemu bual informen dengan bentuk soalan dan rakaman audio.

3.1.1.3 Pemerhatian


Kaedah pemerhatian merupakan alternatif yang ada dalam pengumpulan

maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik dan temu bual. Pemerhatian memerlukan penyelidik memerhati sendiri di kawasan kajian. Dalam kajian ini terdapat 3 kawasan yang telah terpilih untuk pemerhatian. Kaedah ini membolehkan pengkaji lebih memahami situasi yang sebenar digambarkan oleh responden. Pemerhatian perlu dilakukan dalam persekitaran semula jadi tanpa manipulasi atau campur tangan dari pemerhati. Dalam memerhatikan ini adalah menggunakan foto pegun.

3.1.2 Rekabentuk Kajian Kualitatif

Data sekunder diperoleh dari perpustakaan dan laman web rasmi seperti laman portal rasmi kerajaan. Selain itu, pengkaji juga menggunakan data-data penting yang diperlukan daripada buku-buku, keratan akbhar, bahan ilmiah, artikel, dan jurnal.

Sumber melalui buku adalah untuk menyokong objektif kajian sangat penting bagi membuktikan bahawa kita boleh mengambil contoh yang sebenar daripada teks yang menunjukkan komponen kosmologi flora dalam pantun Iban di Sarawak.



Gambar 1: Buku Pantun Iban

Berdasarkan gambar yang pertama telah memaparkan buku Pantun Iban karya Dr. Robert Menua Saleh. Buku ini nanti akan dijadikan sebagai bahan rujukan untuk mengumpul data serta maklumat yang diperlukan seperti yang terdapat di dalam objektif kajian.

Manakala bagi sumber daripada majalah juga dapat membantu terutamanya mencari definisi pantun Iban, puisi tradisional dan banyak lagi serta dapat memberi fakta yang dapat membantu dalam kajian penyelidikan.

Di dalam mendapatkan sumber kajian dalam mengenalpasti komponen kosmologi flora dan kajian etnobotani masyarakat Iban banyak menggunakan bahan ilmiah seperti artikel dan jurnal. Ini adalah sangat penting semasa melakukan kajian kerana kesemua fakta dapat dibuktikan dengan jelas dan berkesan dalam melaksanakan kajian. Kebiasaannya, para penyelidik akan menggunakan artikel peringkat ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran.

Sumber melalui internet terutamanya dari portal rasmi kerajaan dapat membantu mendapatkan maklumat bagi menjalankan kajian tentang pantun Iban. Lawan web pada masa kini adalah sangat membantu pelajar dalam membuat kajian kerana mudah diterokai dan senang membuat perbandingan sumber-sumber yang bernas di sesebuah portal rasmi. Dalam pada itu, pengkaji juga akan mengambil maklumat secara lama maya berkaitan dengan tesis yang telah dilaksanakan pelbagai peringkat seperti tesis sarjana muda, sarjana dan PHD bagi mengukuhkan lagi kajian yang dilaksanakan.

3.1.3 Penerapan Teori

Teori ekologi telah diasaskan oleh Urie Bronfenbrenner. Beliau telah dilahirkan pada 29 April 1917 di Moscow, Rusia. Pada lazimnya, beliau mencipta teori

ekologi adalah untuk diterapkan di dalam perkembangan sosial, emosi dan moral sesebuah masyarakat. Dalam konteks ini, menurut Mohamad Shuhny (2008) terdapat tiga prinsip utama yang boleh diterapkan dalam kehidupan kita sebagai seorang manusia iaitu sistem umum, ekologi manusia dan biologi keluarga. Hal ini dapat kita lihat dalam jadual 1 di bawah yang memaparkan konsep ekologi dengan lebih terperinci, iaitu :

Jadual 1: Prinsip Teori Ekologi		
Sistem Umum	Ekologi Manusia	Biologi Keluarga
- Sistem	- Ekosistem manusia	- Ekosistem Keluarga
- Elemen / Objek	- Organisma / Individu	- Keluarga
- Ciri	- Persekitaran	- Sumber
- Perhubungan	- Interaksi	- Keperluan
- Persekitaran	- Pola	- Nilai
- Maklumat / Informasi	- Saling Bergantungan	- Matlamat
- Tenaga	- Persepsi	- Pengadilan
- Bahan	- Organisasi	- Pembuatan Keputusan
- Ruang	- Kepelbagian	- Komunikasi
- Masa	- Adaptasi	- Pembangunan Manusia
- Homeostasis	- Teknologi	- Personaliti
- Maklum balas	- Kefungsian	- Kesejahteraan
- Sempadan	- Holism	- Kualiti Kehidupan
	- Limitasi	
	- Niche	

Berdasarkan jadual 1, prinsip teori yang dipilih adalah berkaitan dengan ekologi manusia. Di mana, penyelidik telah memilih sebuah buku karya Dr. Robert Menua Salleh iaitu Pantun Iban. Penerapan teori ini hanya berfokuskan kepada objektif yang kedua iaitu untuk mengkaji etnobotani di dalam pantun Iban menggunakan teori ekologi. Pengkaji akan menyelidik tentang kajian budaya di antara manusia dengan tumbuhan.

3.3 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pengkaji telah menggunakan tiga kaedah untuk melancarkan lagi penyelidikan yang akan dilaksanakan. Di mana, kaedah yang pertama adalah berbentuk kuantitatif, kualitatif dan penerapan teori ekologi dengan menggunakan prinsip ekologi manusia.

BAB 4

ANALISIS

4.0 PENGENALAN

Dalam bab empat (4) ini telah membincangkan mengenai analisis penyelidikan yang dilaksanakan. Dalam pada itu, analisis tersebut telah membincangkan, dan menjawab kepada persoalan yang terdapat dalam penyelidikan sama ada melalui kaedah pemerhatian dalam Buku Pantun Iban karya Dr. Robert Menua Salleh ataupun menggunakan kaedah tinjauan soal selidik yang telah diisi oleh masyarakat Iban yang terdapat di Sarawak. Dalam konteks ini, objektif yang pertama ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kosmologi flora yang terdapat di dalam buku Pantun Iban karya Dr. Robert Menua Salleh. Di dalam buku tersebut terdapat banyak jenis pantun yang digunakan secara rawak untuk menyokong lagi kajian yang dijalankan. Sebagai contohnya, dalam buku pantun Iban itu terdapat pantun *peransang/puji* (pantun motivasi/pantun pujian), pantun *beajar-ajar* (pantun nasihat) dan pantun *begagai* (pantun berjenaka). Berdasarkan perbincangan di bawah bagi objektif yang pertama akan menghuraikan tiga aspek komponen kosmologi flora iaitu pokok, bunga dan buah. Manakala di dalam objektif yang kedua pula membincangkan mengenai perkaitan etnobotani dalam kehidupan masyarakat Iban dengan ekologi manusia. Objektif yang kedua ini akan mengaplikasikan tiga aspek yang terdapat dalam teori ekologi iaitu aspek saling kebergantungan, aspek teknologi dan aspek kefungsian.

4.1 Kompenen Kosmologi Flora

Dalam konteks ini, kompenen kosmologi flora yang dikenalpasti adalah terbahagi kepada tiga pecahan iaitu pokok, bunga dan buah. Menurut pemerhatian yang telah dilakukan melalui buku pantun Iban tersebut, terdapat banyak unsur-unsur flora yang dapat dibincangkan beserta dengan contoh-contoh petikan yang bersesuaian dengan objektif yang pertama. Di mana, masyarakat Iban juga banyak menggunakan unsur-unsur tumbuhan dalam penghasilan pantun Iban seperti penulis pantun Melayu pada zaman dahulu mahupun sekarang. Jelaslah di sini bahawa, dalam objektif yang pertama ini adalah berfokuskan terhadap kompenen ataupun unsur-unsur kosmologi flora. Hal ini dapat kita lihat dengan lebih terperinci di dalam huraian serta perbincangan seperti sub topik di atas (4.1 Kompenen Kosmologi Flora), iaitu :

4.1.1 Pokok

Pokok ini adalah salah satu kompenen biotik iaitu dalam kategori flora. Di mana pokok ini digambarkan mempunyai akar, batang, dahan dan daun. Jika kita lihat dari perspektif sains, ke semua ciri-ciri pokok di atas mempunyai fungsi yang tersendiri serta boleh mendatangkan banyak manfaat kepada seluruh persekitarannya. Sebagai contohnya, pokok berfungsi terhadap kehidupan serta tumbuhan terutamanya menjadi habitat kepada haiwan serta melancarkan kitaran rantai makanan. Selain daripada itu, terdapat banyak jenis pokok yang ada di bumi ini. Tambahan pula, pokok ini wujud melalui semula jadi ataupun di tanam oleh manusia.

4.1.1.1 Pokok *Gerunggang* (Pokok *Garunggang*)

*Datai di tanju de dipandang gunggu bulan kembang,
 Datai di terutu atap de ditinggang singkap gerunggang lampung,
 Datai di penyurai de menyadi wai tampung pemetung,
 Dia de ada nunga Nangkai seduai Tutong,
 Aku tama ke bilik, nunga Jawai seduai Lulung.*

(Buku *Pantun Iban* karya Dr. Robert Menua Salleh: 3)

Berdasarkan teks di atas telah memaparkan tentang Pantun *Peransang* (Pantun Nasihat) karya Enyong Anak Aji. Maksud pantun di atas adalah si pemantun telah menziarahi rakan sekampung yang tengah bersalin serta sepanjang perjalanannya ke tempat persalinan tersebut terdapat banyak halangan dan rintangan. Oleh itu, pantun ini telah memberikan nasihat kepada kita semua agar sentiasa bersabar di dalam setiap ujian yang diberikan. Dalam konteks ini, berasaskan petikan pantun di atas terdapat komponen kosmologi flora dalam rangkap ke dua belas (12) baris yang ke dua (2) iaitu pokok '*gerunggang*'. Pokok *gerunggang* ini dapat kita lihat dalam gambar 1, di bawah :



Gambar 1 : Pokok *Gerunggang*

Berdasarkan gambar 1, telah menunjukkan pokok *Gerunggang* yang di dapati melalui sumber laman web iaitu gemantara.com. Dalam pada itu, nama saintifik pokok tersebut adalah *Garunggang* ataupun *Gerunggang*. Di mana, pokok tersebut mempunyai

panggilan yang sama dengan bahasa Melayu. Menurut Kamus Bahasa Melayu mentakrifkan pokok Gerunggang juga dikenali dengan nama *Cratoxylon Cochinchinense*. Jelaslah di sini bahawa, di dalam petikan di atas terdapat komponen kosmologi flora iaitu pokok *Gerunggang*.

4.1.1.2 Pokok *Nyelutung* (Pokok *Nyelutong*)

*Dia de telempai di batu chanai,
Rimbias ensurai kayu nyelutung,
Dia de karam di langkan mang ke luan,
Tesiuh di kemudi bung luchung,
Kasih udu de melepu dih Keling kenu,
Enti suba de pegari panjung,
Dia de beratung enggau tung gilin.....puang.*

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 222)

Petikan teks di atas merupakan pantun *keran/sayau* (pantun kasih sayang) karya Siah Anak Jugah. Maksud pantun tersebut adalah mengisahkan tentang perasaan seorang suami yang sanggup berkorban untuk isterinya semasa perahu yang dikayuh oleh mereka karam di dalam sungai. Sehubungan dengan kejadian tersebut, si suami cuma memikirkan cara untuk menyelamatkan diri daripada lemas di mana ia telah mempunyai satu idea untuk menggunakan *tung gilin puang* (tong air) yang kosong untuk dijadikan sebagai pelampung. Dalam konteks ini, berasakan contoh petikan teks di atas telah memaparkan tentang kosmologi flora dalam rangkap yang ke enam (6)

baris yang kedua, iaitu kayu *Nyelutong*. Kita dapat lihat pokok Nyelutong dalam gambar yang ke dua, di bawah :



Gambar 2 : Pokok Nyelutong

Gambar 2 telah memaparkan pokok *Nyelutong* (Jelutong). Sumber gambar tersebut telah di ambil daripada laman web iaitu ms.wikipedia.org. Pokok *Nyelutong* ini adalah dalam bahasa Iban, manakala di dalam bahasa Melayu pula, ia lebih dikenali sebagai pokok Jelutong. Tambahan pula, jika dari segi botani pokok Jelutong ini di namakan sebagai *Dyera Costulata*. Pokok tersebut pada kebiasaannya dari segi fizikal ia berbentuk padat dan seperti kubah. Sebagai contranya, pokok itu mempunyai kulit yang berwarna kelabu serta di bahagian kulit pokok Jelutong banyak getah ataupun lateks. Selain daripada itu, pokok tersebut juga mempunyai daun yang besar, bunganya berwarna putih dan buahnya berbentuk bulat serta kembar. Oleh yang demikian, pokok Nyelutong ini adalah merupakan salah satu komponen kosmologi flora pokok yang

terdapat dalam pantun Iban di Sarawak menurut pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji di dalam pengumpulan data kajian.

4.1.1.3 Pokok Pinang

Seterusnya, kompenen kosmologi flora yang terdapat dalam pantun Iban di Sarawak adalah kita dapat lihat dalam rangkap yang ke dua belas (12) dan baris empat (4) iaitu pokok Pinang. Contoh petikan di bawah telah di ambil daripada teks pantun Beserara (pantun berpisah) karya Cikgu Jadam Anak Datok. Dalam pada itu, maksud pantun di bawah adalah mengisahkan tentang tiga adik beradik yang rapat dan terpaksa berpisah disebabkan oleh pekerjaan dan pendidikan. Selain daripada itu, pantun itu juga mengisahkan tentang ahli keluarga yang sangat sedih berpisah dengan anak mereka yang bakal meninggalkan kampung halaman,

Aih.....Enti aku mantaika ati kudi,

Niga kita tiga wai menyadi,

Begulai enggau ati enggi aku kelalu berai,

*Singin aku ka nebang nya indu batang upa **pinang**,*

Gulai aku enseluang ikan Kali,

Aku tangkap sawat meniga beledi.

(Pantun Iban Karya Dr. Robert Menua Salleh: 353)

Jika kita lihat dari segi penggunaan bahasa, masyarakat Iban juga menggunakan perkataan yang sama dengan bahasa Melayu iaitu pokok Pinang. Dalam konteks ini, nama saintifik pokok pinang adalah *Areca Catechu* dan merupakan salah

satu spesies tumbuhan palma yang pada kebiasannya tumbuh di kawasan negara tropika seperti Asia dan Afrika Timur. Berdasarkan petikan di atas, pokok pinang dapat di gambarkan dalam gambar 3 seperti yang dilampirkan di bawah, iaitu :



Gambar 3 : Pokok Pinang

4.1.1.4 Pokok *Kara* (Pokok Ara)

Di samping itu, pokok *Kara* (pokok Ara) adalah merupakan salah satu komponen kosmologi flora yang terdapat di dalam buku Pantun Iban karya Dr. Robert Menua Salleh. Di mana, kita dapat lihat dalam petikan di bawah yang menunjukkan komponen tersebut pada rangkap yang ke enam belas (16) baris ke enam (6). Jenis pantun tersebut adalah *Beajar-Ajar* (Pantun Nasihat) karya Burai Anak Sebau. Maksud pantun di bawah adalah mengisahkan tentang masyarakat Iban yang memberi nasihat kepada anak muda agar berusaha di dalam kehidupan terutamanya di alam pekerjaan. Selain daripada itu, ia juga memberi semangat agar masyarakat Iban tidak mudah

berputus asa dan sentiasa berjuang serta sentiasa berusaha untuk menggapai cita-cita seperti orang lain.

*Aih.....dini enda sekut dalam tubuh rempam,
 Aku sawa ayam nguan menua,
 Sekut di perut enenan di dada,
 Idup udu mih enti aku enggau orang,
 Ngempu Komatzu bansa katepilar,
 Enti tubuh rempam aku ulih nepan di dan **kara** dapan,
 Batang sejangka kara, pun jenuh berayun,
 Enda belepa-lepa.*

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 358)

Petikan di atas telah memaparkan komponen kosmologi flora iaitu pokok *Kara* (pokok Ara). Dalam konteks ini, pokok tersebut mempunyai nama saintifik yang tersendiri iaitu *Ficus Sycomorus*. Jika di lihat dari segi fizikalnya, pokok itu adalah mempunyai dahan yang menjalar serta daunnya yang kecil dan halus. Selain daripada itu, pokok *Kara* ini pada kebiasaannya tumbuh di kawasan tropika serta dalam iklim yang sederhana panas. Jadi jelaslah di sini memperlihatkan bahawa, di dalam pemerhatian yang dilaksanakan oleh pengkaji telah berjaya menemui kosmologi flora dalam pantun Iban di Sarawak iaitu pokok *Kara* ataupun di dalam bahasa Melayu disebut pokok Ara. Hal ini dapat kita lihat menerusi lampiran gambar 4 di bawah, iaitu :



Gambar 4 : Pokok Kara

4.1.1.5 Pokok Tapang

Akhir sekali, contoh petikan di bawah merupakan salah satu pantun yang terkandung di dalam buku yang telah dihasilkan oleh Dr. Robert Menua Salleh. Di mana, jenis pantun berkenaan adalah *Begagai* (pantun Berjenaka) karya Jali Anak Awil. Dalam pada itu, melalui pemerhatian yang dilakukan terdapat komponen kosmologi flora dalam rangkap yang ke satu (1) baris ke lapan (8) iaitu pokok *Tapang* (Pokok Tualang). Pokok tersebut dapat kita ketahui melalui lampiran di gambar yang ke lima (5) seperti di bawah :



Gambar 5 : Pokok Tapang

*Aih.....melan se.....melan,
Nadai enda ngemadas nya genuli Jawai Dayang Sidan,
Penyaung tu endun Lulung Bukit tu Gunung Intan,
Sepiak nya wai sangat tampak,
Sepiak nya sangat seram,
Sepiak nya sangat padang genuli Kumang,
Sepiak nya sangat entam gelanggam,
Nya genuli Kumang, tunggul.....**tapang***

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 363)

Maksud pantun dalam petikan di atas adalah menceritakan tentang masyarakat Iban yang tengah berjenaka bersama sahabat mereka semasa melakukan proses pertanian seperti menanam padi, sayur-sayuran dan lain-lain. Tambahan pula, tujuan mereka bejenaka adalah untuk mengelakkan daripada keadaan bosan ataupun sendu semasa mereka melakukan aktiviti bergotong-royong. Dalam konteks ini, mereka telah menggunakan simbol alam semula jadi seperti kosmologi flora iaitu tunggul pokok *Tapang* yang melambangkan keadaan yang hitam seperti arang yang berada di muka mereka. Dalam pada itu, pokok *Tapang* ini dikenali sebagai Tualang. Jika kita lihat dari segi botani, nama pokok berkenaan adalah *Koompassia Excelsa*. Seperti yang kita sedia tahu bahawa, pokok ini adalah salah satu spesis yang tertinggi dalam lingkungan 85.0 Meter. Jadi jelaslah, bahawa komponen kosmologi flora iaitu pokok *Tapang* (pokok Tualang) juga digunakan oleh masyarakat Iban di dalam penghasilan puisi rakyat Iban.

4.1.2 Bunga

Menurut Kamus Bahasa Melayu, bunga ini adalah digambarkan sebagai sesuatu tumbuhan yang biasanya berwarna-warni serta pelbagai bentuk. Di samping itu, bunga juga boleh menjadi bunga apabila sudah cukup matang. Selain daripada itu, bunga juga mempunyai struktur pembiakan yang unik atau lebih dikenali sebagai *Angiosperma* dan pendebungaan kacuk. Apabila selesai fasa pembiakan tersebut maka wujudlah bunga sehingga menghasilkan biji-biji benih yang menjadi penyambung generasi sesuatu bunga apabila sudah musim penuaan. Dalam konteks ini, bunga adalah salah satu komponen kosmologi flora. Jadi, berdasarkan kajian ini terdapat beberapa jenis bunga yang terdapat dalam pantun Iban di Sarawak.

4.1.2.1 Bunga *Kenunsung* (Bunga Raya)

*Dia hari siti de wai menyadi,
 Dianjung indai de mandi ke ai ngaring reni Raja Genali,
 Enda sekali mih tubuh lempang de baka pemandi orang,
 Disungga indai de ke Batang Rajang, negeri matahari,
 Ada dianjung indai ke Gelung gendang rengayung,
Kenunsung hari, dipandi indai de di ai mali mati,
 Disemeraika iya di sungai de lunang singgai pemulai mimpi.*

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 12)

Jenis pantun di atas adalah *Peransang/Puji* (Pantun Nasihat/Pujian) karya Indong Anak Ayum. Maksud pantun di atas adalah menceritakan nasihat seorang ibu kepada ibu yang lain agar sentiasa bersabar dengan dugaan yang dihadapi. Di mana, seorang wanita yang mempunyai anak kurang upaya ataupun istimewa. Tambahan pula, si ibu cuba menyembuhkan keadaan anaknya dengan mengadakan upacara memandikan anaknya di sungai dan persepsi masyarakat Iban pada itu bayi yang kurang berupaya akan sembuh setelah selesai sahaja upacara tersebut. Jelaslah disini menunjukkan kepada kita semua bahawa, terdapat komponen kosmologi flora dalam kategori tumbuhan iaitu bunga *Kenunsung*, dalam rangkap yang ke sebelas (11) dan baris yang ke enam (6). Jika kita lihat dari segi saintifik nama bunga tersebut adalah dikenali sebagai bunga Raya. Seperti yang kita sedia maklum bahawa, bunga Raya adalah melambangkan rukun negara Malaysia serta bunga kebangsaan kita. Tambahan pula, bunga Raya di dalam bahasa Inggeris adalah *Hibiscus Rosasinensis* serta merupakan

sejenis tumbuhan yang berbunga sepanjang tahun. Bunga *Kenunsung* (Bunga Raya) kebiasaannya mempunyai pelbagai warna seperti putih, kuning dan merah jambu lembut. Bunga tersebut boleh kita lihat melalui gambar di bawah, seperti yang berikut :



Gambar 6 : Bunga Kenunsung

4.1.2.2 Bunga *Mikai*

Maksud pantun di bawah adalah berkaitan dengan harga barang yang semakin naik dalam aktiviti jual beli. Selain daripada itu, ia turut memperkatakan tentang seorang pemantun yang sedang memberi motivasi kepada masyarakat Iban agar sentiasa berusaha di dalam mendapatkan rezeki supaya boleh mengikuti peredaran zaman terutamanya dalam harga barangan yang semakin mahal. Berasaskan pantun di bawah merupakan karya Manti @ Menti Anak Tangai. Selain daripada itu, jenis pantun tersebut adalah berbentuk Pantun Peransang / Puji (Pantun Pujian).

Aih.....enti nyema rega barang kurang ila aka sawa lunang,

Di Kapit langkang ditagang mekang kita tubuh ruri,

*Nama pengenda aku ngagaka nuan gegela aka Keling Temuda,
Mantap sawa pengkalan sima urar bersiri,
Nama pemedih aku ngagaka nuan pejulok,
Mantap sambuk pengkalan puchuk mikai bediri.*

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 69)

Dalam konteks ini, berdasarkan petikan pantun di atas telah memaparkan salah satu komponen kosmologi flora kategori bunga pada rangkap yang ke dua belas (12) baris ke enam (6) iaitu bunga *Mikai*. Dalam pada itu, buat masa sekarang belum ada kajian berkenaan dengan bunga *Mikai*. Bunga tersebut hanya terdapat di Sarawak dan hampir pupus. Jelaslah disini menunjukkan bahawa, bahawa dalam petikan pantun di atas terdapat salah satu komponen kosmologi flora iaitu bunga *Mikai*.

4.1.2.3 Bunga *Lingkau* (Bunga *Lingkau*)

Maksud pantun di bawah adalah menceritakan tentang masyarakat Iban yang sedang melakukan upacara adat *Miring*. Adat tersebut sering dilakukan oleh orang Iban apabila terdapat penduduk kampung yang sedang sakit ataupun kurang sihat. Persepsi khalayak apabila seseorang itu mendapat penyakit pasti ada kaitan dengan dunia '*Sebayan*' (dunia Makhluk halus). Apabila perkara tersebut terjadi, penduduk kampung yang masih mengamalkan kepercayaan animisme pasti mereka akan melakukan upacara '*Miring*'. Berbalik kepada maksud yang tersirat dalam pantun di bawah adalah memaparkan kegigihan serta usaha seorang bomoh yang cuba menyembuhkan seorang pesakit menggunakan ilmu sihir.

*Anang sekali lembau de munti arau,
Makai ai **lingkau** enggi aku ai beganja bisa,
Enda sekali kami orang indu,
Ngasuh de rimpi tu mabun laya,
Tau ngasuh de mejau ke Panggau Libau,
Sabung Gelung nya Ubi Ara,
Datai din de minta retatka orang ubat,
Pemulai semangat pengaruh ke bisa-bisa.*

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 126)

Dalam konteks ini, pantun *Peransang / Puji* (pantun Pujian) di atas adalah karya Umut Anak Tukau. Oleh yang demikian, di dalam rangkap yang kedua belas (12) baris kedua (2) terdapat salah satu komponen kosmologi flora iaitu bunga *Lingkau* (Bunga). Menurut sumber daripada Kecamatan Ketungau Hulu, Kabupaten Sintang, Provinsi Kalimantan Barat yang mengatakan tentang bunga *Lingkau* ini adalah nama saintifiknya disebabkan hanya masyarakat Iban sahaja yang menanam bunga tersebut. Selain daripada itu, bunga *Lingkau* ditanam semasa musim menanam padi. Bunga ini terdapat dua kegunaannya untuk masyarakat Iban, iaitu : dijadikan sebagai makanan (bubur) dan tangkainya dijadikan sebagai perhiasan. Dalam pada itu, terdapat banyak khasiat bunga *Lingkau* yang boleh menggantikan Oat (bijirin). Jelaslah, di dalam petikan pantun di atas telah memaparkan kepada kita semua mengenai salah satu kosmologi flora iaitu bunga *Lingkau*. Setakat ini, di dalam penyelidikan ini masih kurangnya sumber yang mengkaji tentang bunga ini kerana ia adalah merupakan

tanaman yang hampir pupus. Hanya segelintir masyarakat Iban yang masih menanam bunga itu.

4.1.2.4 Bunga *Ketupang* (Bunga Ketapang)

Berdasarkan petikan teks pantun di bawah bermaksud masyarakat Iban sedang membuat air *Tuak* (Arak). Air *Tuak* ini pada kebiasaannya dibuat oleh kaum Wanita. Di mana, air tersebut adalah merupakan salah satu hidangan yang terpenting dalam setiap aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat tersebut. Sebagai contohnya, air Tuak dihidangkan apabila musim perayaan hari Gawai Dayak. Dalam konteks ini, dalam petikan di bawah turut memaparkan tentang sikap pembuat arak yang sentiasa gigih menghasilkan air Tuak sehingga menjadi. Terdapat banyak proses yang perlu mereka lalui untuk menghasilkan air Tuak itu. Jelaslah di sini memperlihatkan kepada kita semua tentang sifat terpuji masyarakat Iban dalam menghasilkan air Tuak yang perlu menghadapi pelbagai halangan dan rintangan serta proses pembuatan yang begitu rumit sekali kerana masih menggunakan teknik tradisional.

Aih.....ka nantaika de sedindam aku tu sidan,

Ai nya beram apit, ulih aku ngelilit di bukit betungku tiga,

Kebata nya dikumbai kami orang indu,

Ditantai dara nya intan berega,

Ketupang Bunga Gemala Bunsu Guntur,

Ke temepur nyaraih didinga, Bunsu Sinjar Nitar Begerancha.

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 140)

Jenis pantun di atas adalah berbentuk pantun *peransang / puji* (pantun pujian) karya Nyong Anak Aji. Dalam konteks ini, bunga Ketupang (bunga Ketapang) merupakan kosmologi flora yang terdapat dalam petikan pantun di atas dalam rangkap yang keenam (6) dan baris kelima (5). Menurut kajian yang telah dilaksanakan oleh Anim Agro Technology, di mana mereka telah mendapat takrifan bunga Ketupang (bunga Ketapang) itu adalah sebagai *Terminalia Catappa* dari segi botani. Bunga tersebut adalah berasal daripada pokok Ketapang itu sendiri dan ia mempunyai fungsi tersendiri kepada masyarakat Iban.

4.1.2.5 Bunga *Kechalak* (Bunga Tepus)

Maksud pantun di bawah adalah mengisahkan tentang konflik kaum lelaki masyarakat Iban yang berjuang untuk mendapat seorang wanita yang sangat rupawan pada masa tersebut. Di mana, kaum lelaki telah berusaha untuk mendapatkan perempuan yang bernama Kumang dan Lulung. Dua orang perempuan tersebut adalah menjadi simbolik kepada masyarakat Iban kerana dalam cerita rakyat sendiri yang menggambarkan watak Kumang dan Lulung ini memang tiada bandingan dari segi paras rupa dan kepintaran. Oleh itu, dalam mana-mana puisi rakyat Iban pasti akan menggunakan nama mereka berdua untuk dijadikan sebagai penyeri pantun yang menggambarkan keindahan dan membuatkan ramai lelaki yang tergoda dengan mereka berdua. Jelaslah di sini menunjukkan bahawa, makna pantun tersebut telah memperlihatkan kepada kita semua tentang perjuangan cinta serta kasih sayang sehinggakan para lelaki masyarakat Iban sanggup bersaing walaupun nyawa jadi tarungan.

Asai ke bisi tengah orang tumbang mih aku lempang,

Indu bantang midang tekesai,

Asai ke bisi tengah ensilup nunda rumput lalang tembawai,

Asai ke bisi orang chundung ninga de Kumang Lulung,

*Enggau orang bayam papung diujung bungai **mingkai**,*

Kebata pagi beterai, lemai beserangai,

Bekasih ka andai anak.....lantang.

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 230)

Berasaskan petikan pantun di atas adalah karya Lamau Anak Jua yang berbentuk pantun *Keran / Sayau* (Pantun Kasih Sayang). Dalam pada itu, dalam petikan pantun tersebut terdapat salah satu kosmologi flora dalam rangkap kedua (2) dan pada baris yang kelima (5) iaitu bunga *Kechalak* (Bunga Tepus). Menurut Utusan Borneo Sarawak (2020) yang menyatakan tentang bunga *Kechalak* ini adalah merupakan sejenis ulaman beraroma serta terkenal dalam kalangan masyarakat di Sabah dan Sarawak. Pada kebiasaannya, bunga tersebut adalah dijadikan sebagai ulaman kerana mempunyai khasiatnya yang tersendiri. Jelaslah di sini menunjukkan bahawa di dalam petikan pantun di atas mempunyai komponen kosmologi flora iaitu bunga *Kechalak* ataupun lebih dikenali sebagai Tepus. Sehubungan dengan itu, bunga tersebut juga telah dijadikan masyarakat Iban sebagai salah satu pembayang pantun kerana ia mempunyai makna yang tersirat serta melambangkan kecantikan seseorang wanita seperti yang digambarkan dalam keindahan bunga itu sendiri kerana mekar dan indah dipandang mata memandang.

4.1.3 Buah

Dalam perspektif pertanian, buah adalah bahagian tumbuh-tumbuhan yang terjadi daripada bunga ke fasa berbijji. Dalam konteks ini, buah pada kebiasaannya terdiri daripada pelbagai warna, rasa, saiz dan tekstur. Selain daripada itu, buah-buahan dapat dikelaskan dengan cara yang berbeza di mana ia dapat diklasifikasikan kepada beberapa jenis buah-buahan seperti, buah yang kering, basah dan banyak lagi. Jika kita selidiki dari segi botaninya pula, buah ini boleh didefinisikan sebagai struktur pada tumbuhan yang berbunga dan menghasilkan buah mengikut proses tertentu. Pada masa kini, buah-buahan adalah terpenting di dalam mengekalkan tubuh badan sentiasa sihat serta boleh mendatangkan banyak lagi manfaat kepada manusia mahupun tumbuhan.

4.1.3.1 Buah Kepayang

Maksud pantun di bawah adalah menceritakan tentang percintaan seorang wanita terhadap bekas kekasihnya yang hebat serta tiada tandingan pada masa tersebut. Di mana, masyarakat Iban telah menggunakan salah satu simbol buah yang sangat ditakuti ramai kerana terdapat racun di dalam dan boleh membawa maut. Dalam konteks ini, di dalam pantun berkenaan si pemantun cuba meluahkan isi hatinya serta mengimbau Kembali kenangannya bersama bekas kekasihnya yang bijaksana dan mempunyai keterampilan yang baik. Sehubungan dengan itu, lelaki tersebut adalah seorang yang berpendidikan serta banyak ilmu pengetahuan sehinggakan diibaratkan seperti *dian nadai nemu padam* (lilin tidak pernah padam) dalam petikan pantun di bawah. Jika kita lihat dari segi logik akal, lilin mana yang tidak boleh terpadam jika ditiup angin ataupun ditiup oleh manusia, tetapi lilin tersebut telah menggambarkan sifat

ataupun sikap seorang lelaki yang mempunyai ilmu yang mendalam bagi mengekalkan lilin tersebut kekal menyala.

*Nya mih orang laki ke sangat pang ku pelimang aku suba,
Ari **kepayang** panduk semalam,
Munuh ari ipuh, ngerarahka nyumbuh jelu jugam,
Orang pejuluk kantuk sibau ditanam, aping lidi dilancam,
Apu nya mau api dian enda mudah padam,
Tan lapanbelas bulan angkat.....mandang.*

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 5)

Pantun *peransang / puji* (Pantun Pujian) karya Burai Anak Sebau terdapat komponen kosmologi flora iaitu buah kepayang dalam rangkap enam (6) dan baris yang kedua (2). Menurut Anim Agro Technology (2021) yang mentakrifkan tentang buah kepayang itu mempunyai nama saintifiknya iaitu *Pangium Edule* ataupun lebih dikenali sebagai buah Keluak. Selain daripada itu, di dalam Bahasa inggeris pula buah berkenaan telah dipanggil sebagai *Football Fruit*. Sehubungan dengan itu, buah kepayang adalah sebuah tumbuhan di dalam kategori buah nadir dalam keluarga *Achanaceae*. Jika dilihat dari segi geografi buah kepayang kebiasaannya terdapat di Indonesia dan juga Malaysia. Pokok tersebut lazimnya tumbuh di Kawasan hutan belukar dan kebanyakannya ditanam sendiri oleh masyarakat Iban. Buah kepayang ini adalah bersesuaian dengan orang yang tengah bercinta kerana apabila seseorang termakan buah kepayang tersalah proses pasti akan menyebabkan seseorang itu akan mabuk. Dalam konteks ini, apabila

dua pasangan tengah bercinta pasti kita sebagai khalayak akan menggelarkan diri mereka tengah mabuk cinta ibarat seperti mabuk buah kepayang.

4.1.3.2 Buah Mawang

Maksud petikan pantun di bawah adalah kisah pengorbanan adik-beradik dalam mencari makanan. Dalam pada itu, ia turut memaparkan tentang masyarakat Iban yang sudah tidak mempunyai orang tua lagi akibat sudah bercerai mahupun meninggal dunia. Di mana, anak mereka terpaksa mencari sendiri makanan untuk meneruskan hidup walaupun diibaratkan seperti kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Seperti kebiasaannya, anak sulung akan memegang tanggungjawab yang begitu besar untuk melindungi adik beradiknya sehinggakan sanggup berbagi makanan walaupun sedikit. Seperti yang kita sedia maklum bahawa, sifat tersebut adalah terpuji dan nasihat kepada masyarakat Iban terutamanya dan khalayak ramai secara umumnya haruslah mempunyai sifat terpuji agar sentiasa beringat kepada keluarga serta menggalas tanggungjawab dengan sebaik yang mungkin.

Aih.....ga uji anang enggai mih de lagi menyadi wai,

Aku ka ngasuh de makai bejenggai ke nyamai,

Sedindam ai beram ke chelap ngelinan,

*Terus ngagai bungkan jalung.....**mawang**.*

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 63)

Berdasarkan petikan pantun di atas telah memaparkan salah satu komponen kosmologi flora iaitu buah Mawang dalam pantun *peransang / puji* (pantun pujian) karya Manti @ Menti Anak Tangai pada rangkap yang kedua (2) baris keempat (4). Menurut sumber yang didapati daripada laman web Bombastic Borneo yang memberi kenyataan mengenai buah Mawang ini dikategorikan dalam keluarga *Anacardiaceae*. Di mana, nama botani bagi buah tersebut adalah Mangga liar yang berwarna coklat ataupun lebih dikenali sebagai *Mangifera Panjang Kostermans*. Buah Mawang ini kebiasaannya bermusim serta berbuah dua kali setahun dalam bulan Januari sehingga Februari dan Julai sehingga Ogos. Bagi masyarakat Melayu Sarawak pula, buah Mawang telah dipanggil sebagai Asam Embang ataupun Embawang. Manakala, bagi orang Sabah pula, buah itu dikenali sebagai Bambang.

4.1.3.3 Buah Kemantan

Berdasarkan maksud pantun di bawah adalah memaparkan mengenai sifat terpuji masyarakat Iban dalam menjaga keamanan dalam kampung. Jika kita bercerita mengenai keamanan pasti akan melibatkan bahagian keselamatan. Begitu juga, di dalam masyarakat Iban mempunyai bahagian keselamatan yang tersendiri. Hal ini boleh di buktikan lagi seperti dalam maksud petikan pantun di bawah yang menunjukkan bahagian tersebut telah memainkan peranan dalam berburu serta mengusir haiwan buas yang merosakkan hasil tanaman mereka terutama apabila musim buah tiba. Haiwan seperti kera, beruang dan lain-lain pasti akan menggugurkan buah-buahan yang belum matang mengakibatkan masyarakat Iban tidak dapat menikmati hasil tanaman mereka. Dalam konteks ini, si pemantun cuba mengingatkan masyarakat tersebut agar sentiasa terus berhati-hati dan berwaspada semasa musim buah bagi mengelakkan sebarang kerugian

kepada mereka. Tambahan pula, bahagian keselamatan juga penting dalam menjaga keamanan sebuah kampung kerana di Sarawak mereka telah diberi kuasa untuk mendaftarkan lesen bagi penggunaan senjata api.

*Nyawa de remaung sana dedangga,
Nunga leka lubang meriam,
Nama ke riput kita takut rawan,
Diasuh aku ngerararka tandan asam kemantan,
Iya ke lebat berabinan nadai bejelapang.*

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 109)

Jenis pantun di atas adalah berbentuk *peransang / puji* (pantun pujian) karya Simba Anak Sawing. Dalam konteks ini, berdasarkan petikan pantun tersebut terdapat satu komponen kosmologi flora iaitu buah Kemantan pada rangkap yang keenam (6) dan baris keempat (4). Dalam pada itu, nama botani buah Kemantan adalah Asam Kumbang. Selain daripada itu, nama saintifik buah itu telah digelar *Mangifera Quadrifida* yang dipercayai pada masa kini sukar ditemui oleh masyarakat. Dalam perspektif geografi buah tersebut dikatakan berasal daripada negara kita Malaysia, Brunei dan Indonesia. Tetapi ada juga sesetengah pendapat mengatakan buah Kemantan itu berasal daripada negeri Kedah, Perak dan Johor. Sehubungan dengan itu, di kepulauan borneo seperti Sarawak terutamanya, terdapat banyak pokok Kemantan dan senang didapati oleh masyarakat kerana separuh orang Iban masih menanam buah berkenaan. Oleh itu, disebabkan buah itu sukar didapati di Semenanjung Malaysia terjadi kurangnya penyelidikan terhadap buah Kemantan kerana masyarakat di Sarawak

belum ada yang membuat kajian yang menyeluruh berkaitan botani serta asal usul buah tersebut.

4.1.3.4 Buah Petai

Maksud petikan pantun di bawah adalah memaparkan sebuah perasaan kasih sayang yang ditunjukkan oleh si pemantun terhadap kenangannya dengan kekasih lamanya. Dalam hal ini, khalayak Iban telah menjadikan simbol buah sebagai sesuatu yang berharga dan berguna kepada masyarakat. Di mana, berasaskan pantun di bawah ia telah menunjukkan kepada kita semua tentang sebuah pokok yang menghasilkan buah telah ditebang sehinggakan mendatangkan penyesalan pada penghujungnya kerana pokok buah tersebut boleh mendatangkan banyak manfaat kepada tumbuhan dan manusia terutamanya. Dalam perspektif percintaan, proses percintaan akan terputus begitu sahaja jika tidak bertumbuh dengan indah seperti pokok buah yang digambarkan di bawah apabila sudah ditebang ia tidak dapat mengeluarkan hasil begitu juga dengan kisah cinta si pemantun yang tiada erti lagi.

*Aih.....sayau nebang.....**petai**,*

Seharitu lunang singgai di tanah seberai,

Sayau penapat ujung iya rebah patah tetunggang.

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 225)

Berasaskan pantun *keran / sayau* (Pantun Kasih Sayang) karya Anchang Anank Deng telah memaparkan komponen kosmologi flora dalam rangkap yang

pertama (1) dan baris satu (1) iaitu buah Petai. Buah tersebut adalah terkenal dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini disebabkan ramai yang gemar menjadikan buah petai sebagai hidangan untuk ulam-ulaman. Selain daripada itu, buah petai juga telah di masak pelbagai resepi mengikut kesukaan seseorang individu antaranya seperti petai masak belacan, petai goreng ikan bilis dan banyak lagi menu yang menarik serta unik. Buah petai ini juga telah mendatangkan banyak khasiat kepada tubuh badan kita sebagai seorang manusia. Jika kita selidiki dari segi botani pula, nama saintifik petai adalah *Parkia Speciosa* yang merupakan sebuah tumbuhan di bawah keluarga Fabaceae atau Leguminoceae yang tumbuh di hutan serta pada masa kini, ia juga boleh ditanam sendiri. Pada permulaannya, hanya orang Melayu sahaja yang memakan petai tetapi pada zaman sekarang ramai bangsa lain seperti Cina, India dan masyarakat borneo juga pandai makan petai. Jelaslah disini bahawa menunjukkan perkembangan serta serba sedikit asal usul buah petai. Dalam pada itu, masyarakat Iban juga tidak ketinggalan zaman dimana mereka juga menanam pokok petai itu sendiri untuk dijadikan sebagai salah satu makanan yang wajib.

4.1.3.5 Buah Sibau (Buah Rambutan)

Maksud pantun di bawah adalah memeparkan sikap orang iban yang *keran* (berani mencuba) untuk memanjat pokok rambutan untuk mendapatkan buahnya. Di mana, sebelum dia memanjat pokok tersebut telah mendapat mimpi buruk sebelum hari kejadian. Menurut masyarakat tersebut sangat bergantung kepada mimpi sebelum melakukan sesuatu perkara. Dalam pada itu, jika mimpi itu buruk maka mereka akan buat upacara miring (doa selamat) untuk melindungi si pemimpi tersebut supaya sentiasa dilindungi dan tidak berlaku kemalangan. Pada masa kini, empat puluh peratus

masih mengamalkan kepercayaan animisme. Jadi si pemanjat pokok rambutan tadi tetap berkeras kepala untuk memanjat dan pada pengakhirannya dia telah mendapat kejadian buruk semasa tengah berada di atas pokok tiba-tiba, pengsan akibat badan lemah. Jelaslah, disini menunjukkan kepada kita semua mengenai petikan pantun di bawah masyarakat Iban masih percaya terhadap mimpi yang menandakan petanda kurang baik.

*Ngantuk lenenuk mentan di dalam,
 Dia mimpi jai ga aku asi menyadi,
 Bekampi enggau mimpi mayuh macham,
 Dia aku mimpi meda buah **sibau** mansau lengain nyaman,
 Nya ka aku tiki nya asi menyadi,
 Tulang aku lemi enda dapat badan,
 Kasih mih tubuh pangan aku lalu bayam wai menyadi,
 Nyengkining.....batang.*

(Buku *Pantun Iban* Karya Dr. Robert Menua Salleh: 251)

Dalam pada itu, jenis pantun di atas adalah berbentuk *keran / sayau* (pantun kasih sayang) karya Lau Anak Nyanggau. Di mana, dalam rangkap ketujuh (7) baris yang ketujuh (7) mengandungi kosmologi flora iaitu buah *Sibau* (buah Rambutan). Buah tersebut adalah dinamakan sebagai *Nephelium Lappaceum* dari segi botaninya. Sehubungan dengan itu, buah Rambutan ini dipercayai berasal daripada Selatan China, Vietnam, Laos, Kemboja, Malaysia dan Indonesia. Pada kebiasaannya, pokok rambutan telah ditanam mengikut proses yang tertentu. Jelaslah disini menunjukkan bahawa, masyarakat Iban juga tidak ketinggalan dalam menanam buah rambutan.

Sebagai kesimpulannya, penyelidik telah berjaya memaparkan komponen kosmologi flora yang terdapat dalam buku Pantun Iban karya Dr. Robert Menua Salleh. Di mana, dalam analisis kajian bagi objektif yang pertama telah menunjukkan kepada kita semua bahawa flora boleh dipecahkan kepada tiga bahagian yang utama iaitu pokok, bunga dan buah. Terdapat banyak kosmologi flora yang unik dan jarang didengar oleh masyarakat dan inilah satu peluang untuk penyelidik mengangkat nama buah tersebut agar masyarakat pada masa akan datang boleh mengetahuinya melalui catatan dan pemerhatian yang telah dilakukan. Selain daripada itu, terdapat banyak juga tumbuh-tumbuhan yang terdapat di semenanjung Malaysia. Tetapi kebanyakan semua tumbuhan di atas hanya terdapat di negeri Sarawak.

4.2 Perkaitan Etnobotani Dalam Kehidupan Masyarakat Iban Dengan Ekologi Manusia

Objektif yang kedua ini adalah memfokuskan terhadap kajian budaya (etnobotani) di dalam kehidupan masyarakat Iban dengan mengaplikasikan teori ekologi serta menggunakan prinsip ekologi manusia. Seperti yang kita sedia maklum bahawa, di dalam prinsip berkenaan terbahagi kepada banyak aspek dan penyelidik telah memilih tiga (3) aspek yang bersesuaian dengan topik kajian. Antaranya adalah seperti aspek saling kebergantungan, aspek teknologi dan aspek kefungisian. Di dalam analisis penyelidikan objektif yang kedua ini adalah telah menggunakan dua kaedah iaitu menggunakan data yang diperolehi daripada tinjauan borang soal selidik seramai tigapuluh (30) responden yang dipilih secara rawak dan menggunakan sumber daripada laman web rasmi.


4.2.1 Aspek Saling Kebergantungan

Aspek ini adalah sangat memainkan peranan yang penting bagi menerapkan teori ekologi dalam perkaitannya dengan pantun Iban di mana ia akan merujuk kepada sesebuah hubungan yang terjalin sama ada langsung mahupun tidak diantara orang, tumbuhan, elemen serta pemboleh ubah yang berbeza. Aspek saling kebergantungan ini adalah sangat bersesuaian dengan kajian budaya masyarakat Iban dalam menggunakan unsur-unsur kosmologi flora di dalam kehidupan seharian mereka.

4.2.1.1 Kosmologi flora dijadikan tempat untuk bermeditasi

Di negara kita Malaysia terdapat banyak yang menghidapi penyakit mental. Hal ini disebabkan oleh para masyarakat tidak tahu jalan penyelesaian yang betul bagi menangani penyakit tersebut. Dalam konteks ini, salah satu cara yang berkesan adalah dengan membuat aktiviti bermeditasi. Menurut ilmu psikologi, meditasi merupakan sebuah latihan mental. Ilmu tersebut bertujuan untuk mengawal perasaan serta pemikiran yang negatif dalam diri seseorang individu. Pada kebiasaannya, meditasi ini telah dilakukan di sebuah tempat yang tenang seperti alam semula jadi. Sehubungan dengan itu, jika seseorang itu melakukan meditasi mereka boleh mengelakkan masalah mental yang teruk serta salah satu cara untuk menghilangkan tekanan semasa kerja, berkaitan dengan isu kekeluargaan dan mengalami masalah kewangan. Semasa bermeditasi ini, seseorang itu akan melakukan satu senaman serta bernafas dengan tenang. Ramai masyarakat di luar sana tidak menggalakkan cara ini untuk menyelesaikan masalah mental disebabkan ia berkaitan dengan ilmu sihir dan seangkatan denganya.

Carta Pai 1 : Bermeditasi




Berdasarkan carta pai yang pertama telah menunjukkan data yang diperolehi semasa tinjauan borang soal selidik berkaitan dengan penerapan teori ekologi menggunakan prinsip ekologi manusia dalam aspek saling kebergantungan antara masyarakat Iban dengan tumbuh-tumbuhan. Di mana, majoriti masyarakat Iban sangat setuju yang manusia bergantung terhadap kosmologi flora dalam melakukan bermeditasi iaitu sebanyak 56.7%. Manakala yang setuju adalah sebanyak 26.7% dan bagi yang tidak pasti sebanyak 10%. Hanya 3.3% yang mengatakan tidak pasti dan sangat tidak setuju. Jelaslah di sini memeperlihatkan kepada kita bahawa dari segi etnobotani dalam masyarakat Iban dengan saling kebergantungan amat banyak responden yang mengatakan melalui borang soal selidik yang mereka sangat setuju bahawa orang Iban sangat bergantung dengan keindahan alam semula jadi bagi mengurangkan tekanan mental.

4.2.1.2 Tumbuh-tumbuhan dijadikan sebagai rantaian makanan

Jika dilihat dari segi perspektif sains, rantaian makanan ini pada kebiasaannya terbahagi kepada dua bahagian iaitu pengeluar dan pengguna utama. Bagi pengeluar ini

adalah seperti tumbuh-tumbuhan yang mencipta makanan serta memerlukan cahaya matahari untuk terus hidup. Manakala bagi pengguna utama adalah seperti manusia ataupun haiwan yang memakan tumbuhan yang telah dihasilkan oleh pengeluar. Ada segelintir masyarakat akan memakan sesama pengguna utama seperti manusia makan haiwan secara tidak konsisten. Hal ini biasa berlaku di dalam kehidupan seharian kita kerana rata-rata kita bergantung dengan tumbuh-tumbuhan untuk dijadikan sebagai makanan. Selain daripada mudah didapati, ia juga turut memberi khasiat yang sangat banyak di dalam tubuh badan kita.

Carta Pai 2 : Rantaian Makanan



Carta pai 2 telah menunjukkan data bagi aspek saling kebergantungan di antara masyarakat Iban dan tumbuh-tumbuhan sebagai rantaian makanan. Di mana, responden telah menjawab di dalam tinjauan borang soal selidik yang mereka sangat setuju sebanyak 56.7%, setuju 40% dan kurang pasti hanya 3.3% sahaja. Jelaslah di sini menunjukkan bahawa, berdasarkan data di atas lebih daripada separuh menyokong yang masyarakat Iban sangat bergantung kepada tumbuh-tumbuhan untuk di jadikan sebagai rantaian makanan seharian mereka. Sehubungan dengan itu, jika dilihat dari segi etnobotaninya masyarakat Iban memang cenderung menjadikan tumbuh-tumbuhan


sebagai makanan wajib mereka. Sebagai tamsilannya seperti pucuk ubi, rebung dan paku pakis. Perkara tersebut sudah menjadi budaya mereka dalam menjadikan tumbuh-tumbuhan sebagai makanan. Jadi, berdasarkan data di atas sudah terang lagi bersuluh menunjukkan ramai orang Iban menyokong bahawa kita sebagai manusia mesti akan saling bergantung di antara satu sama yang lain. Tambahan pula, jika tumbuh-tumbuhan itu berbentuk tanaman pasti ia akan bergantung dengan manusia bagi menjaganya dengan baik. Hal ini dapat dibuktikan, bahawa kita akan membaja serta merawat tanaman dengan menyembur racun serangga dan perosak supaya tanaman kekal hidup dengan subur. Itu adalah antara salah satu situasi saling bergantung di antara tumbuhan dan manusia.

4.2.1.3 Keindahan flora dijadikan sebagai tarikan pelancong

Tarikan pelancong merupakan sebuah tempat yang indah dan tenang serta mempunyai keunikan tersendiri. Hal ini sering dikaitkan dengan tempat beriadah seperti di tepi pantai, air terjun dan bangunan-bangunan bersejarah. Dalam pada itu, melalui pemerhatian dibuat yang dalam tinjauan borang soal selidik berkaitan dengan penyelidikan yang dilaksanakan adalah telah mempamerkan kepada kita semua mengenai salah satu keindahan flora telah menjadi sebagai daya tarikan pelancong dalam negeri mahupun luar negara. Sebagai contohnya, seperti yang kita sedia maklum bahawa bunga Rafflesia adalah salah satu komponen kosmologi flora kategori bunga yang menjadi tarikan pelancong. Oleh itu, tidak ketinggalan juga masyarakat Iban telah menjadikan keindahan alam sebagai salah satu cara untuk menarik minat orang ramai untuk datang ke negeri Sarawak sekaligus dapat memberikan banyak manfaat kepada

setiap pihak dan serba sedikit menyumbang kepada ekonomi negara melalui industri pelancongan.

Carta Pai 3 : Tempat Perlancongan




Melalui tinjauan yang telah dilaksanakan, lebih daripada separuh masyarakat Iban menyokong mengenai bahawa keindahan flora mampu menarik minat para pelancong sama ada dalam negeri mahupun luar negara. Di mana, di dalam statistik menunjukkan 83.3% sangat setuju, 13.3% setuju dan 3.4% kurang pasti terhadap perkara di atas. Dalam konteks ini, bukan masyarakat Iban sahaja yang percaya bahawa keindahan flora itu mampu menarik para pelancong tetapi bangsa-bangsa lain juga turut berpandangan bahawa perkara di atas memang betul. Kebanyakan kita sebagai seorang manusia suka melihat keindahan alam seperti air terjun yang dikelilingi oleh flora. Hal ini akan menyebabkan ramai orang tertarik dengan perkara tersebut. Pada masa yang sama, telah wujudnya etnobotani masyarakat Iban iaitu mereka memang cintakan alam sekitar sehinggakan mereka menyediakan tempat perlancongan kepada orang Iban sendiri terutamanya serta kepada pelancong asing. Hal ini telah disebabkan faktor geografi di Sarawak dipenuhi dengan keindahan flora yang begitu besar. Sebagai contohnya, Gua Niah, Miri adalah bukti yang ketara menunjukkan daya tarikan pelancong yang amat memberansangkan sehingga ke peringkat global. Telah terjadi

saling kebergantungan dalam hal ini seperti masyarakat Iban telah bergantung harap terhadap alam untuk menghasilkan pendapatan dan begitu juga dengan alam flora yang telah dirawat atau dipelihara oleh pihak yang berwajib seperti Jabatan Perhilitan dan sebagainya untuk mengekalkan alam flora sentiasa kekal terjaga tanpa ada sebarang pencemaran berlaku.

4.2.1.4 Masyarakat Iban bergantung terhadap flora sebagai tempat pengaliran udara yang segar

Pengaliran udara yang baik adalah bagus untuk kesihatan tubuh badan kita sebagai seorang manusia. Di mana, pengudaraan semula jadi ataupun lebih dikenali sebagai Natural Ventilation adalah salah satu elemen yang terpenting bagi mewujudkan persekitaran yang bersih dan segar. Jika dikaitkan dengan alam semula jadi terutamanya dari segi flora ia mampu mewujudkan sistem pengudaraan yang baik kepada seluruh yang berada di persekitarannya.

Carta Pai 4 : Pengaliran udara yang baik




Berasaskan carta pai di atas, telah menunjukkan data mengenai masyarakat Iban yang menyetujui bahawa komponen kosmologi flora mampu memberikan pengaliran udara yang baik serta segar. Seramai 70% masyarakat Iban menyokong sangat setuju kepada soalan tersebut. Manakala, bagi yang setuju hanya 23.3% sahaja diikuti kurang pasti dan tidak pasti sebanyak 3.35%. Hal ini juga telah terbukti bahawa lebih daripada separuh orang Iban menyokong bahawa dengan adanya komponen kosmologi flora pasti akan memberikan pengudaraan yang segar kepada mereka. Sebagai contohnya, komponen kosmologi flora yang amat ketara adalah kategori pokok. Di mana, pokok boleh menghasilkan menjadi seolah-olah seperti kipas apabila ditiup oleh angin. Selain daripada itu, bunga juga dapat menyamankan lagi suasana dengan adanya pewangi yang semula jadi turut menyumbang kepada pengaliran udara yang baik serta sihat. Jika dikaitkan dengan saling kebergantungan di antara manusia dan tumbuhan terdapat banyak contoh yang dapat digambarkan seperti tumbuh-tumbuhan sangat bergantung kepada masyarakat Iban agar tidak melakukan pembalakan haram, pencemaran udara dengan membuat pembakaran terbuka dan banyak lagi. Dalam perspektif etnobotaninya pula, sudah menjadi kebiasaan masyarakat Iban menanam pelbagai pokok, bunga dan buah bagi memberi fungsi tersendiri dalam mewujudkan pengaliran udara yang segar setiap hari.

4.2.1.5 Flora dijadikan sebagai tempat untuk berlindung

Tempat perlindungan ini adalah sangat perlu pada masa kini bagi seseorang yang bergelar manusia. Sebagai tamsilannya, tempat perlindungan seperti rumah. Rumah amat diperlukan oleh manusia untuk melindungi diri daripada haiwan buas, faktor cuaca dan untuk keselesaan.

Carta pai 5 : Tempat perlindungan



Carta pai di atas telah memaparkan data bagi tinjauan terhadap flora dijadikan sebagai tempat perlindungan masyarakat Iban. Sebanyak 70% yang sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Manakala bagi yang setuju pula, terdapat 23.3% serta kurang pasti dan tidak pasti adalah sama sebanyak 3.35% sahaja. Hal ini juga telah terbukti kerana orang Iban sangat bergantung harap kepada flora terutamanya dari segi pokok untuk membuat rumah bagi melindungi daripada binatang buas. Selain daripada itu, faktor cuaca juga sangat penting sehinggakan mereka menjadikan flora itu sebagai tempat perlindungan daripada hujan dan panas. Sebagai tamsilannya, pokok kayu telah digunakan sebagai untuk membua tiang rumah dan dinding. Manakala, daun pokok digunakan untuk membuat atap rumah. Jadi jelaslah di sini telah menampakan kepada kita semua mereka memang saling bergantung dengan tumbuhan sebagai tempat perlindungan. Dari segi etnobotaninya pula, di mana masyarakat Iban gemar menggunakan unsur-unsur flora sebagai tempat perlindungan untuk menjimatkan kos pembinaan bangunan. Tambahan pula, jika mereka menggunakan rumah papan akan lebih sejuk dan nampak unik.

4.2.2 Teori Ekologi (Aspek Teknologi)


Teknologi ini merupakan pengaplikasian ilmu sains dan matematik dengan menggunakan sumber semulajadi untuk dijadikan sebagai alat, tenaga atau sistem. Selain daripada itu, teknologi juga dapat ditakrifkan sebagai cara teknikal yang digunakan oleh manusia bagi meningkatkan tahap persekitaran mereka. Tambahan pula, ia telah dikategorikan sebagai salah satu ilmu pengetahuan dalam menggunakan alat-alat serta mesin-mesin bagi melaksanakan kerja dengan lebih cekap dan efektif. Dalam konteks ini, sesebuah teknologi adalah menjadikan kehidupan manusia lebih teratur dan sistematik. Sehubungan dengan itu, ia juga boleh menjimatkan masa, tenaga dan kos seseorang individu dengan adanya teknologi. Sebagai contohnya, teknologi yang selalu kita guna adalah berbentuk moden seperti telefon pintar dan lain-lain. Dalam hal ini, penyelidik telah mengkaji apakah perkaitan etnobotani orang Iban terhadap tumbuhan dengan menerapkan teori ekologi prinsip ekologi manusia dalam aspek teknologi.

4.2.2.1 Peralatan untuk menangkap ikan

Ramai masyarakat pada masa kini suka memancing ikan. Dalam konteks ini, terdapat teknologi secara alam semula jadi ataupun lebih dikenali sebagai tradisional. Kita sering mendengar selain daripada joran ikan, terdapat pelbagai peralatan untuk menangkap ikan yang lain seperti jala, serkap dan bubu. Semua peralatan tersebut diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan. Pada masa kini, khalayak lebih memilih peralatan menangkap ikan secara tradisional berbanding moden. Hal ini disebabkan kos lebih rendah serta mudah didapati. Dalam hal ini, masyarakat Iban juga mempunyai

peralatan menangkap yang tersendiri. Mereka pada kebiasaannya telah menggunakan flora bagi menghasilkan peralatan tersebut. Perkara di atas dapat dibuktikan melalui hasil tinjauan yang dibuat oleh penyelidik seperti yang dipaparkan di dalam carta pai di bawah. Sebanyak 56.7% yang sangat setuju dengan komponen kosmologi flora boleh menghasilkan teknologi iaitu peralatan untuk menangkap ikan. Seterusnya, sebanyak 30% yang setuju serta 10% yang kurang pasti dan akhir sekali 3.3% yang tidak pasti. Jika dilihat dari segi etnobotaninya, memang sudah budaya orang Iban mencipta teknologi untuk mereka mencari makanan semasa berada di sungai untuk menangkap ikan. Jelaslah disini menunjukkan kepada kita semua bahawa teknologi boleh terhasil daripada komponen kosmologi flora.

Carta Pai 6 : Aspek teknologi (peralatan menangkap ikan)




4.2.2.2 Peralatan dapur

Peralatan dapur adalah salah satu elemen yang terpenting di dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Setiap peralatan tersebut mempunyai fungsi tersendiri. Jika dikaitkan dengan peralatan dapur yang dihasilkan menggunakan komponen kosmologi flora itu lebih kepada kaedah tradisonal. Di mana, semua peralatan dapur

bahan-bahannya terdiri daripada flora yang bersesuaian. Sebagai tamsilannya, anantara peralatan dapur yang selalu kita dengar adalah tudung saji, penampi dan banyak lagi. Selain daripada itu, kebiasaannya peralatan dapur adalah untuk melakukan aktiviti memasak. Dalam hal ini, masyarakat Iban turut memaparkan kebijaksanaan mereka dalam menggunakan komponen kosmologi flora sebagai menghasilkan peralatan dapur. Dalam konteks ini, alam semula jadi mahupun buatan manusia mampu menghasilkan teknologi serta banyak manfaatnya kepada semua khalayak. Orang Iban gemar menggunakan peralatan dapur yang diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan seperti sudu, penyepit dan gelas diperbuat daripada kayu. Hal ini terjadi disebabkan oleh budaya masyarakat Iban daripada zaman dahulu kala mempercayai jika peralatan dibuat daripada kayu pasti tidak mengandungi bahan kimia dibanding dengan peralatan dapur moden pada masa kini. Jelaslah di sini menunjukkan bahawa, orang Iban telah menggunakan tumbuh-tumbuhan seperti kayu dijadikan sebagai peralatan dapur untuk memasak. Dalam konteks ini, berasaskan carta pai di bawah telah menggambarkan tentang persepsi masyarakat Iban terhadap penyelidikan yang dilaksanakan adakah tumbuh-tumbuhan mampu mewujudkan sebuah teknologi ataupun tidak. Jadi jika merujuk kepada data yang didapati melalui tinjauan soal selidik, majoriti orang Iban sangat bersetuju dengan pernyataan di atas iaitu sebanyak 56.7%. Manakala, yang selebihnya adalah setuju sebanyak 26.7%, kurang pasti 13.3% dan tidak pasti 3.3% sahaja. Oleh yang demikian, data tersebut telah memperkukuhkan lagi penyelidikan yang mengatakan masyarakat Iban mempunyai etnobotani sendiri dalam menghasilkan teknologi melalui tumbuh-tumbuhan.

Carta pai 7 : Aspek teknologi (peralatan dapur)




4.2.2.3 Peralatan pertanian

Peralatan pertanian adalah sangat memainkan peranan yang penting dalam sesebuah tanaman. Seperti yang kita sedia maklum bahawa, peralatan tersebut terbahagi kepada dua iaitu sama ada tradisonal ataupun moden. Banyak penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh para sarjana berkaitan dengan pertanian. Di mana, ramai yang mengatakan tentang jika seseorang itu menggunakan peralatan secara tradisonal proses penuaian sesebuah tanaman akan lebih lambat berbanding dengan peralatan pertanian yang moden. Dalam konteks ini, masyarakat Iban telah menanam padi setahun sekali jadi mereka telah menggunakan teknologi secara tradisonal. Tujuan mereka menggunakan teknologi tersebut adalah bertujuan untuk melancarkan lagi aktiviti penanaman tersebut. Dengan adanya teknologi yang diperbuat daripada alam flora ia sekaligus menerapkan peralatan pertanian yang mesra alam. Di mana, menurut soal seidik yang telah dilaksanakan adalah data telah menunjukkan separuh daripada masyarakat Iban telah menggunakan peralatan yang diperbuat daripada kayu dan tumbuhan lain iaitu sebanyak 60% yang sangat setuju dengan pernyataan di atas diikuti setuju 20%, kurang pasti 10%, tidak pasti 7% dan sangat tidak setuju 3%. Di dalam

tinjauan kali ada segelintir masyarakat Iban yang sangat tidak setuju kerana pada masa kini dengan ledakan teknologi yang berkembang dengan pesat dan mereka berpendapat bahawa penggunaan peralatan secara moden lebih efektif berbanding dengan bergantung terhadap tumbuh-tumbuhan bagi mewujudkan teknologi.

Carta pai 8 : Aspek teknologi (Peralatan pertanian)




4.2.2.4 Peralatan pembinaan rumah

Kebanyakannya, tukang pembina rumah secara tradisional pada masa kini masih relevan sehingga sekarang. Sebagai contohnya, di dalam pembinaan rumah tradisional pasti mereka akan memerlukan orang yang pakar mengukir ukiran pada sesebuah rumah. Jadi, terdapat beberapa peralatan yang digunakan oleh masyarakat seperti batang penukul, kapak serta peralatan yang lain. Dalam konteks ini, peralatan pembinaan rumah merupakan salah satu teknologi yang serta mempunyai perkaitannya dengan masyarakat Iban. Di mana, walaupun mereka kebanyakannya majoriti tinggal di kawasan pendalaman namun mereka tetap ada peralatan untuk membuat rumah yang dicipta daripada tumbuh-tumbuhan. Berdasarkan sokongan penyelidikan secara tinjauan seperti carta pai di bawah banyak menyereka sangat setuju dengan pernyataan di atas

iaitu 66.7%. Manakala bagi yang setuju pula adalah sebanyak 23.3% sahaja diikuti oleh kurang pasti 7% dan tidak pasti sebanyak 3%. Hal ini telah terbukti bahawa masih ada yang menggunakan teknologi secara tradisonal untuk membuat rumah. Bagi etnobotani orang Iban, sudah menjadi lumrah bawa dari generasi terdahulu sehingga sekarang mereka lebih cenderung menggunakan teknologi peralatan rumah yang diperbuat daripada flora seperti pokok kayu terutamanya.

Carta pai 9 : Aspek teknologi (Peralatan pembinaan rumah)




4.2.2.5 Kraftangan

Kraftangan ini merupakan salah satu penghasilan peralatan yang berguna ataupun perhiasan dengan menggunakan tangan sepenuhnya serta dibantu oleh beberapa perkakas yang ringkas sahaja. Bukan semua orang boleh membuat kraftangan kecuali memang mempunyai bakat tersendiri ataupun ilmu itu diturunkan kepada seseorang dari turun-temurun nenek moyang dahulu kala. Pada kebiasaannya, hasil kraftangan ini dihubungkan dengan kepentingan kebudayaan sesebuah masyarakat. Sehubungan dengan itu, masyarakat Iban telah mempunyai kebudayaan tersendiri dan tersangat banyak kraftangan yang dihasilkan. Sebagai contohnya, bagi kaum wanita mereka telah

menganyam pelbagai tikar, bekas makanan dan banyak lagi. Secara keseluruhannya, mereka telah mengguna sebatang kayu keras yang telah dipotong sepanjang 25CM dan dihiris sampai permukaan kayu tersebut licin dan bulat. Kayu itu adalah bertujuan untuk melurus bahan anyaman tikar agar tidak bergulung. Jelaslah di situ telah terdapat salah satu teknologi yang diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan semula jadi. Dalam konteks ini, berdasarkan tinjauan yang dibuat, majoriti orang Iban sangat setuju dengan perkara di atas iaitu sebanyak 76.6%, diikuti oleh setuju 16.7% serta ada juga yang mengatkan kurang pasti dan tidak pasti sebanyak 3.35%. Berasaskan data di atas telah terbukti bahawa akan lebih afdal jika kita menghasilkan kraftangan menggunakan flora pasti kos pembuatan sesuatu produk akan lebih murah dan ia akan menghasilkan kualiti yang terbaik.

Carta pai 10 : Aspek teknologi (kraftangan)



4.2.3 Teori Ekologi (Aspek Kefungsian)

Di dalam analisis yang terakhir ini, penyelidik telah mengaplikasikan teori ekologi dalam prinsip ekologi manusia serta aspek yang digunapakai adalah kefungsian. Fungsi sesuatu perkara itu adalah sangat penting kerana, jika ia tanpa fungsi pasti kita


sebagai manusia tidak akan mengambil risiko untuk menggunakannya. Kefungsian ini tersangat luas konsepnya, ia boleh jadi fungsi sesebuah produk, jabatan dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, dalam analisis kali ini kita akan melihat apakah fungsi komponen kosmologi flora terhadap masyarakat Iban dengan perkaitannya terhadap etnobotani ataupun kajian budaya.

4.2.3.1 Komponen Kosmologi flora bertujuan untuk perubatan

Perubatan merupakan sesuatu yang melibatkan sains. Sebagai kontranya seperti berkaitan dengan diagnosis dan pencegahan penyakit. Dengan adanya perubatan penyakit pasti boleh dirawat serta boleh mencegah daripada menjangkiti. Lazimnya, perubatan telah wujud beribu-ribu tahun dahulu semasa ia dianggap sebagai salah satu seni (kemahiran dan pengetahuan) serta cenderung dihubungkan dengan kepercayaan keagamaan dan falsafah sesebuah masyarakat. Sebagai contohnya, seorang pawang akan menggunakan herba serta membaca doa untuk perubatan secara tradisional ataupun seorang filasuf dengan tabib selalu menerapkan teori humorisme di dalam perubatan mereka. Di dalam masyarakat Iban, perubatan tradisional masih relevan sehingga kini. Di mana, ramai *dukun* (pawang) yang dipanggil untuk merawat para pesakit. Sebagai contohnya, pawang tersebut mampu menyembuhkan kembali kaki yang patah disebabkan kemalangan jalan raya menggunakan herba serta ubat-ubatan yang dibuat sendiri dan ilmu perubatan yang diturunkan oleh nenek moyangnya. Hal ini dapat dibuktikan melalui tinjauan borang soal selidik seperti yang digambarkan dalam carta pai yang ke sebelas (11) di bawah. Majoriti rakyat Iban telah memberikan respon sangat setuju iaitu sebanyak 70% diikuti setuju 20%. Manakala bagi yang kurang pasti adalah sebanyak 7% serta yang tidak pasti sebanyak 3%. Jelaslah disini menunjukkan

bahawa, rata-rata rakyat Iban telah mengetahui serta mengamalkan sendiri perubatan tradisional ini. Oleh itu, teori ekologi yang berprinsipkan ekologi manusia mampu memberi kenyataan tentang kerelevanan perubatan tradisional serta herba-herba yang diperbuat daripada komponen kosmologi flora. Sebagai contohnya, urat tongkat ali telah dijadikan sebagai herba untuk berfungsi sebagai mengurangkan pening kepala.

Carta pai 11 : Perubatan




4.2.3.2 Komponen Kosmologi flora bertujuan untuk kecantikan

Semenjak dari zaman dahulu bagi kaum wanita telah mementingkan kecantikan serta penampilan. Di mana, pelbagai kaedah yang dilakukan masyarakat pada masa terdahulu bagi mengekalkan kecantikan itu agar tidak berubah walaupun usia telah berubah. Pada masa tersebut, kaedah yang digunakan sangat mudah didapati kerana perawatan kecantikan tidak menggunakan bahan kimia tetapi hanya menggunakan sumber alam semula jadi. Seperti yang kita sedia maklum bahawa, pada masa kini, bagi proses untuk mencantikan diri adalah memerlukan kos yang banyak serta setiap produk yang digunakan adalah mengandungi bahan kimia yang tinggi sekaligus dapat menipiskan kulit dan mengalami sensitif kerana produk tidak

bersesuaian. Terdapat banyak juga produk tiruan itu yang mengundang bahaya terhadap kesihatan kulit kita sebagai seorang manusia. Sehubungan dengan itu, jika kita kaitkan dengan masyarakat Iban di mana mereka mempunyai etnobotani yang tersendiri dalam menggunakan komponen kosmologi flora untuk mengekalkan kecantikan dan sebagainya. Di mana, orang Iban telah bergantung sepenuhnya kepada alam semula jadi untuk merawat wajah dan menambah seri. Sebagai contohnya, mereka akan menggunakan bunga untuk memandikan seseorang wanita yang hendak berkahwin supaya menaikkan seri wajah. Hal ini dapat dibuktikan melalui soal selidik yang telah dilakukan oleh penyelidik di mana, majoriti masyarakat Iban memberikan jawapan sangat setuju iaitu sebanyak 60%. Manakala bagi yang setuju pula adalah sebanyak 23.3% serta diikuti jawapan kurang pasti dan tidak pasti adalah sebanyak 10% dan 6.7%. di mana, mereka telah mempercayai bahawa komponen kosmologi mampu berfungsi untuk mencantikan seseorang individu.

Carta pai 12 : Kecantikan




4.2.3.3 Komponen Kosmologi flora bertujuan untuk makanan

Makanan ini adalah sesuatu yang wajib untuk manusia, haiwan serta tumbuhan. Dalam pada itu, makanan adalah sesebuah bahan yang boleh dicerna

biasanya terdiri daripada karbohidrat, protien dan lemak yang boleh dimakan serta diminum oleh manusia dan haiwan bagi memperolehi nutrien dan nikmat. Dalam konteks ini, telah wujud budaya masak sendiri di rumah. Di mana, pada kebiasaannya bahan tersebut ditelah oleh sesebuah organisma serta diasimilasi oleh sel-sel organisma bagi memberikan tenaga yang secukupnya kepada tubuh badan kita sebagai seorang manusia. Sehubungan dengan itu, majoriti sumber makanan didapati melalui tumbuhan dan haiwan. Dalam analisis kali, penyelidik telah mencari apakah perkaitan masyarakat Iban dengan tumbuhan dalam teori ekologi bagi melihat kompenan kosmologi flora ini berfungsi ataupun tidak. Hal ini memang tidak dapat dinafikan lagi, bahawa makanan yang utama orang Iban adalah berasaskan tumbuh-tumbuhan. Perkara ini dapat dibuktikan dalam hasil tinjauan borang soal selidik seperti di bawah yang menyatakan sangat setuju dengan pernyataan di atas iaitu sebanyak 76.6%. Manakala bagi yang setuju pula adalah sebanyak 20% dan diikuti jawapan kurang pasti sebanyak 3.3% sahaja. Tambahan pula, selain daripada kaum Iban, penyelidik juga percaya bahawa bangsa lain telah bergantung sepenuhnya kepada sumber tumbuh-tumbuhan. Jika dilihat dari segi sains, kompenan kosmologi flora ini mampu memberi fungsi yang tersendiri seperti buah pisang berfungsi untuk mengelakkan daripada sembelit serta mengandungi vitamin.


Carta pai 13 : Makanan



4.2.3.4 Komponen Kosmologi flora bertujuan untuk upacara keagamaan

Upacara keagamaan ini kebiasaannya dilakukan oleh masyarakat yang masih mengamalkan kepercayaan animisme. Di mana, jika kita lihat dari segi takrifan upacara itu sendiri telah membawa maksud pelayanan dan kehadiran suatu keramaian yang dilakukan menurut adat secara budaya masyarakat mahupun agama. Dalam konteks ini, masyarakat Iban telah mempunyai upacara keagamaan tersendiri seperti adat *miring* (doa selamat). Dalam hal ini, mereka telah bergantung sepenuhnya terhadap komponen kosmologi flora untuk berfungsi bagi sesebuah upacara. Sebagai contohnya, mereka telah menggunakan *upih* (lapisan kulit atas) pokok pinang untuk mengadakan upacara di mana ia berfungsi untuk meletakkan makanan tetamu yang datang (hantu belaan). Hal ini dipercayai hantu yang datang ke semasa upacara *miring* itu tidak mahu makan kalau tidak menggunakan *upih* (lapisan kulit atas) pokok pinang. Apabila hantu itu telah kenyang makan, maka dia tidak akan mengganggu masyarakat Iban dalam melakukan apa jua aktiviti seperti perkahwinan, majlis rasmi dan sebagainya. Hal ini dapat kita lihat sendiri berdasarkan carta pai yang ke empat belas (14) di mana majoriti masyarakat Iban memberikan jawapan sangat setuju iaitu sebanyak 66.7%. Manakala 20% dan 6.7% adalah setuju dan kurang pasti. Akhir sekali, bagi yang memberikan jawapan tidak pasti dan sangat tidak setuju adalah sama iaitu sebanyak 3.3%.


Carta pai 14 : Upacara keagamaan



4.2.3.5 Kompenen Kosmologi flora bertujuan untuk permainan tradisional

Menurut Jabatan Warisan Negara permainan tradisi ini adalah telah terhasil daripada asimilasi pelbagai kaum. Permainan tradisi secara amnya terdiri daripada permainan anjung dan permainan laman. Bagi permainan anjung ini adalah seperti batu seremban, congkak, tutup botol dan lain-lain. Manakala, bagi permainan laman pula terdiri daripada galah panjang, ketinting, gasing dan baling selipar. Kebanyakannya permainan di atas telah dimainkan secara berkumpulan serta sekaligus telah mewujudkan interaksi sosial dan merapatkan hubungan dalam sesebuah masyarakat. Dalam pernyataan di atas, masyarakat Iban turut menerima asimilasi budaya tersebut semasa berada di bangku sekolah lagi. Di mana, hal ini telah menunjukkan kepada kita semua kebanyakannya permainan tradisional diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan seperti gasing. Sehubungan dengan itu, kebiasaannya masyarakat Iban telah menggunakan kayu yang keras bagi menghasilkan gasing yang kuat serta tahan lama. Jelaslah di sini memperlihatkan kepada kita semua mengenai fungsi tumbuhan kepada masyarakat Iban itu sendiri. Perkara ini telah disokong oleh hasil tinjauan yang dibuat oleh penyelidik yang majoriti menjawab sangat setuju adalah sebanyak 66.7% serta 20% adalah memberikan respon tanda setuju diikuti oleh jawapan kurang pasti sebanyak 10% sahaja. Manakala bagi jawapan yang tidak pasti terdapat 3.3% yang memberikan respon.

Carta pai 15 : Permainan tradisional



Sebagai kesimpulannya, di dalam analisis objektif yang kedua adalah berkaitan dengan penerapan teori ekologi serta mencari apakah kajian budaya di antara masyarakat Iban dengan komponen kosmologi flora. Di mana, terdapat banyak perkaitannya seperti di dalam teori ekologi telah menggunakan prinsip ekologi manusia serta prinsip tersebut terbahagi kepada tiga lagi bahagian iaitu aspek saling kebergantungan, aspek teknologi dan aspek kefungsiannya. Di mana, majoriti masyarakat Iban telah memberikan respon sangat bersetuju bahawa komponen kosmologi flora dapat boleh mewujudkan etnobotani serta fungsi-fungsinya yang tersendiri di dalam borang soal selidik yang telah disediakan.

BAB 5

RUMUSAN

5.1. Pengenalan

Berdasarkan bab lima ini adalah bahagian yang terakhir sekali di dalam penyelidikan yang dilaksanakan. Dalam pada itu, kesemua objektif akan dirumuskan secara ringkas serta padat. Di mana, terdapat dua objektif yang utama bagi analisis penyelidikan. Selain daripada itu, di dalam bab ini juga akan mengemukakan beberapa cadangan kepada masyarakat serta pihak yang berwajib bagi terus mengekalkan puisi rakyat Iban seperti pantun akan terus berkembang. Di dalam kedua-dua objektif tersebut adalah menggunakan kaedah pemerhatian, tinjauan melalui borang soal selidik (bagi pengiraan data adalah dengan mengira secara frekuensi) dan kaedah perpustakaan.

5.2 Rumusan Objektif Pertama : Mengenalpasti Komponen Kosmologi Flora Dalam Pantun Iban Di Sarawak.

Dalam objektif yang pertama ini akan membincangkan mengenai komponen kosmologi flora. Seperti yang kita dapat lihat di dalam analisis penyelidikan bahawa penyelidik telah membahagikan flora kepada tiga kategori iaitu pokok, bunga dan buah. Dalam konteks ini, pengkaji telah menetapkan objektif di atas adalah bertujuan untuk mengenalpasti komponen kosmologi flora yang terdapat dalam beberapa contoh petikan pantun Iban. Melalui analisis yang telah dibuat analisis bagi objektif yang pertama ini

adalah tercapai kerana kesemua komponen kosmologi flora itu wujud di dalam pembinaan pantun Iban. Sehubungan dengan itu, pengkarya telah banyak menggunakan unsur alam semula jadi terutamanya dari segi tumbuh-tumbuhan.

5.2.1 Pokok

Analisis yang pertama ini telah membincangkan kosmologi flora dalam kategori pokok. Melalui pemerhatian yang dibuat terdapat beberapa pokok yang telah ditanam sendiri oleh orang Iban dan majoriti mereka telah menggunakan unsur flora dalam penghasilan karya mereka. Hasil penyelidikan telah mendapati pokok Garunggang, pokok Nyelutong, pokok Pinang, pokok Ara dan pokok Tapang di dalam pantun tersebut. Hal ini telah menunjukkan kebijaksanaan masyarakat Iban dalam menghasilkan puisi rakyat sehinggakan mampu membuatkan pantun tersebut menjadi lebih sedap didengar.

5.2.2 Bunga

Seterusnya, bagi analisis yang kedua pula adalah penyelidik cuba mengemukakan kosmologi flora bunga. Seperti yang kita sedia maklum bahawa, dalam mana-mana penghasilan pantun pasti mereka akan menggunakan unsur bunga untuk pembayang kepada sesuatu pantun. Jadi tidak ketinggalan juga, masyarakat Iban telah berbuat benda yang sama dengan menggunakan pelbagai jenis bunga untuk menyerikan lagi pantun berkenaan. Hal ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian di mana telah menjumpai lima jenis bunga yang berbeza dipilih secara rawak dalam petikan pantun yang terpilih seperti bunga Raya, bunga Mikai, bunga Lingkau, bunga Ketupang dan bunga Kechalak.

5.2.3 Buah

Bagi analisis yang ketiga, penyelidik masih mengenalpasti komponen kosmologi flora yang terdapat dalam buku Pantun Iban karya Dr. Robert Menua Salleh. Komponen tersebut adalah dari segi buah. Secara lazimnya, buah ini adalah merupakan salah satu simbol yang wajib digunakan semasa penghasilan pantun kerana ia mempunyai makna tersirat dan tersurat yang tersendiri. Di mana, masyarakat Iban pada zaman dahulu telah membahagikan kegunaan pelbagai buah dan maksud serta ia boleh diaplikasikan dia dalam puisi rakyat. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian telah memperolehi lima jenis buah

5.3 Rumusan Objektif Kedua : Mengkaji Perkaitan Etnobotani Dalam Kehidupan Masyarakat Iban Dengan Ekologi Manusia.

Objektif yang kedua ini telah membincangkan mengenai kajian budaya di antara masyarakat Iban dengan tumbuh-tumbuhan. Terdapat banyak budaya yang telah wujud ekoran daripada penyelidikan yang dilaksanakan. Selain daripada itu, dalam analisis objektif yang kedua ini juga akan menghuraikan kepada kita semua mengenai penerapan teori ekologi. Di dalam teori tersebut, pengkaji telah menggunakan prinsip ekologi manusia. Sehubungan dengan itu, prinsip di atas terbahagi kepada tiga lagi pecahan iaitu aspek saling kebergantungan, aspek teknologi dan aspek kefungsian. Berasaskan objektif ini adalah sumber diperoleh adalah bergantung sepenuhnya terhadap tinjauan borang soal selidik. Di mana, seramai 30 orang responden yang dipilih secara rawak bagi mengisi borang tersebut.

5.3.1 Aspek Saling Kebergantungan

Penyelidik telah menghuraikan mengenai masyarakat Iban saling bergantung terhadap alam flora di dalam kehidupan seharian mereka. Di mana, analisis yang keempat ini cuba untuk menjelaskan kepintaran orang Iban di dalam menggunakan sumber daripada tumbuh-tumbuhan. Dapatan penyelidikan telah memperolehi data mengenai perkara di atas serta terdapat lima ciri-ciri yang boleh dihuraikan. Antaranya adalah kosmologi flora yang tenang dapat dijadikan sebagai tempat untuk melakukan aktiviti bermeditasi. Seterusnya, tumbuh-tumbuhan telah dijadikan sebagai tempat untuk mengekalkan rantai makanan. Selain daripada itu, dengan adanya keindahan alam flora merupakan salah satu daya tarikan industri pelancongan. Masyarakat Iban bergantung terhadap flora sebagai tempat untuk pengaliran udara yang segar dan flora juga dijadikan sebagai tempat untuk perlindungan. Jelaslah di sini memperlihatkan kepada kita semua bahawa, tumbuh-tumbuhan saling berinteraksi di antara satu sama dengan yang lain.

5.3.2 Aspek Teknologi

Aspek teknologi ini adalah sangat penting di dalam kehidupan seharian masyarakat Iban walaupun berbentuk tradisonal. Di mana, budaya mereka telah menggunakan pelbagai jenis peralatan untuk memudahkan sesuatu pekerjaan. Hal ini dapat kita lihat melalui dapatan kajian yang menyatakan bahawa orang Iban telah menggunakan tumbuh-tumbuhan sebagai peralatan untuk menangkap ikan, peralatan dapur, peralatan pertanian, peralatan pembinaan rumah dan untuk menghasilkan kraftangan. Kesemua peralatan di atas adalah berfungsi sebagai teknologi tradisional.

5.3.3 Aspek Kefungsian

Akhir sekali, penyelidik telah membincangkan mengenai aspek kefungsian komponen kosmologi flora kepada masyarakat Iban. Di mana, jika sesebuah unsur-unsur flora tersebut digunakan pasti memiliki fungsi yang tersendiri untuk pelbagai tujuan. Sebagai tamsilannya, di dalam dapatan kajian telah mendapati bahawa, kosmologi flora telah memberikan fungsi kepada orang Iban dalam perubatan, kecantikan, dijadikan sebagai makanan seharian, upacara keagamaan dan untuk menghasilkan permainan tradisional. Jelaslah di sini bahawa, kesemua etnobotani di atas adalah majoriti yang mengisi tinjauan borang soal selidik memberikan jawapan sangat setuju berkaitan dengan perkara di atas.

5.4 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian serta objektif yang terdapat dalam penyelidikan, di mana pengkaji telah melihat beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik. Selain daripada itu, penyelidik juga berharap agar pada masa akan datang, lebih ramai lagi yang peka terhadap permasalahan yang dihadapi semasa melaksanakan kajian pantun Iban di negeri Sarawak. Dalam pada itu, terdapat beberapa cadangan yang perlu diusulkan yang berkaitan dengan masyarakat dan sarjana seperti di bawah.

5.4.1 Cadangan Kepada Masyarakat

Pantun Iban ini semakin hari, semakin dilupakan oleh masyarakatnya yang tersendiri. Hal ini disebabkan oleh ramai orang Iban tidak memahami Bahasa yang digunakan semasa berpantun. Ini adalah punca utama kurangnya diberi perhatian oleh penduduk kampung disebabkan mereka tidak faham dari segi penggunaan bahasa. Hal ini boleh disamakan dengan bahasa Melayu Klasik yang susah difahami begitu juga dengan penggunaan bahasa Iban dalam. Jadi cadangan kepada masyarakat Iban

terutamanya, haruslah bersama-sama pihak berkuasa untuk mengangkat serta mendokumentasikan pantun Iban agar tidak pupus disebabkan peredaran zaman. Seterusnya, masyarakat juga harus mengubah persepsi terhadap pantun Iban ini masih berkaitan dengan kepercayaan animism. Di mana, melalui penyelidikan yang dilakukan adalah memang wujud kepercayaan tersebut dan memberi kekangan kepada para penyelidik.

5.4.2 Cadangan Kepada Sarjana

Terdapat beberapa cadangan kepada pihak sarjana pada masa akan datang iaitu haruslah menyediakan kos ataupun bajet yang secukupnya bagi membuat kajian lapangan. Hal ini disebabkan oleh penyelidik telah menghadapi masalah kewangan semasa melaksanakan kajian. Di mana, sebelum menemu bual informen penyelidik haruslah menyediakan bajet untuk mengadakan upacara keagamaan sebelum bercerita mengenai pantun kerana dipercayai mengandungi unsur animism. Selain daripada itu, sarjana yang ingin melakukan penyelidikan berkaitan dengan puisi rakyat Iban haruslah mencari seorang tenaga pakar yang boleh memberikan maksud dalam penggunaan bahasa. Bagi penyelidik, bahasa itu adalah sangat mendalam dan tidak dapat difahami dengan begitu sahaja bahawa tenaga pakar dalam bahasa dalam bahasa Iban semakin pupus.

5.5 Penutup

Sebagai kesimpulannya, penyelidik mengharapkan dengan adanya kajian ini dilaksanakan mampu mengangkat puisi rakyat Iban iaitu pantun. Hal ini kerana, ramai anak muda pada masa kini tidak mengetahui apa itu pantun Iban dan agak membimbangkan tiada masyarakat yang mengambil serius terhadap masalah ini.

Sehubungan dengan itu, masih banyak kekurangan yang terdapat dalam penyelidikan yang dilakukan disebabkan oleh beberapa faktor tertentu. Kedua-dua objektif di atas telah tercapai kerana ia bersesuaian dengan analisis serta perbincangan boleh dibuktikan dengan kukuh yang menunjukkan masyarakat Iban memang saling bergantung dengan tumbuh-tumbuhan di dalam kehidupan seharian mereka.

RUJUKAN

Abdullah, A., & Husain, H. (1993). *Kraftangan*. Prisma.

Abidin, Z. Z. (2009). *Bunga*. Penerbit Sinar Cemerlang.

Admin, Says:, H., says:, A., says:, L. I. N. A. Z., & Says:, K. (2021, May 10). Buah Asam Kumbang. Segalanya Tentang Tumbuhan... Retrieved February 3, 2022, from <http://fazlisyam.com/buah-asam-kumbang/>

Admin. (2012, December 6). Buah Mawang Archives. Segalanya Tentang Tumbuhan... Retrieved February 3, 2022, from <http://fazlisyam.com/tag/buah-mawang/>

Ahmad, Z. H. (1990). *Makanan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arshad, M. N., Senusi, M. H. M., & Arshad, S. (2006). *Rambutan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aspar, M. R. M. (2006). *Kajian Terhadap Sistem pengaliran Udara di Makmal automotif Kuittho Bagi Mengawal kualiti Udara Dalaman*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Bakar, B. A. (1980). The pharmacological investigation of the hypotensive activity of extracts of buah petai (*parkia speciosa*).

Chapter, A. R. (n.d.). *Buah kepayang: Dilema teori Wacana Dan metode Saintifik Dalam Penilaian Sastera*. chapter.

- Donnell, O. L. (2011). Menyusuri Rantainya Makanan Bersama max axiom, Ahli Sains Terhebat. Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian Malaysia. (1989). Peralatan Menangkap Ikan di Malaysia.
- Julkefli, A., & Ishak, N. (1994). Pokok Ara. Pustaka Mutiara.
- Kampung Semban: 7# Pokok Tapang Tertinggi & terbesar. Kampung Semban: 7# Pokok Tapang Tertinggi & Terbesar. (n.d.). Retrieved February 3, 2022, from https://myhomeniaga.blogspot.com/2011/03/hari-ketiga-eksplorasi-pena-lensa-di_9156.html
- Kayu Gerunggang. Pallet kayu, Meranti, kruing, Kamper, bengkirai, mahoni. (2015, December 6). Retrieved February 2, 2022, from <https://www.kayu123.com/kayu-gerunggang/>
- Khishin, T. G. (1988). Meditasi. Yayasan Wisma Karma.
- Klikdokter. Rubrik Spesialis Klikdokter. (2021, February 16). Retrieved February 3, 2022, from <https://www.klikdokter.com/rubrik/kecantikan>
- Kosmologi Dalam Puisi-Puisi. (n.d.). Retrieved February 2, 2022, from <http://psasir.upm.edu.my/33614/1/FBMK%202012%208R.pdf>

Lafferty, P., & Rahim, A. A. (2002). Perubatan. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lorenz, R., & Cunningham, I. (2001). Flora. Bulfinch Press.

Majid, Z. (1989). Ekologi Manusia. Fajar Bakti.

Minda Creative. (2007). Peralatan tradisional 1: Peralatan dapur tradisional.

Morgan, S., Morgan, A., & Lockman, H. (2003). Teknologi. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mukhtaram, S. N. (2015). Buah. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor, M. F. M., & Mustapha, F. (2004). Pupus Atau kekalnya spesies Dalam Sistem Persaingan Dengan tempat perlindungan.

Pinang. (n.d.). Retrieved February 3, 2022, from

<https://www.pnm.gov.my/sirihpinang/sp-pinang.htm>

Pohon Ketapang - Taksonomi, Morfologi, Sebaran, Habitat & Manfaat.

RimbaKita.com. (2021, September 13). Retrieved February 3, 2022, from

<https://rimbakita.com/pohon-ketapang/>

Rejab, N. M. (2003). Bunga Raya. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Saleh, R. M. (1998). Pantun Iban. Tun Jugah Foundation.
- Samad, A. R. A. (2021, March 2). Maksud Kebergantungan. Makna Perkataan. Retrieved February 3, 2022, from <https://makna.online/maksud-kebergantungan/>
- Sastera Iban...Ensera. Merujizone4u. (n.d.). Retrieved February 3, 2022, from <https://aman9975.blogspot.com/p/enserapengingat-tuai.html>
- Senaning. (2016, October 17). Pohon Lingkau. Desa Senaning. Retrieved February 3, 2022, from <http://senaning.desa.id/2016/06/28/pohon-lingkau/>
- Setiawan, E. (n.d.). Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI). Arti kata fungsi - Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) Online. Retrieved February 3, 2022, from <https://kbbi.web.id/fungsi>
- Sumintarsih, HP, S., & Yunus, H. A. (1991). Dapur Dan Alat-alat Memasak tradisional Daerah Istimewa Yogyakarta. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Direktorat Jenderal Kebudayaan, Direktorat Sejarah dan Nilai-nilai Tradisional Proyek Inventarisasi dan Pembinaan Nilai-nilai Budaya.
- Syahidah, I. (2013). Upacara Dan perayaan keagamaan. Semarak Murni Enterprise.
- Tala, H. (1993). Permainan tradisional. Penerbit Setiamas.
- Tepus. Melur's Garden. (2021, November 15). Retrieved February 3, 2022, from <https://www.melur.com/direktori-tumbuhan/tepus-tanah/>

Triyanto, S. H. (2019). Peralatan Pertanian Dan Perikanan tradisional Sebagai Warisan Budaya Kalimantan Selatan. Penakita Publisher.


Zakaria, S. Z. (1996). Pelancongan. Pustaka Cita Tinggi



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN